

LATIHAN ULANGKAJI 1249/2

SET 1

1. T4 BAB 1

- Hukum Kanun Melaka & Undang2 Laut Melaka

2. T4 BAB 7

- Sistem Ahli

3. T5 BAB 3

- Fungsi Majlis Raja-Raja / Kuasa YDPA

4. T5 BAB 7

- Langkah memartabatkan Bahasa Melayu

5. T4 BAB 5

- Persekutuan Tanah Melayu 1948

6. T4 BAB 6

- Pengisytiharan dan kesan zaman darurat

7. T5 BAB 4

- Kerjasama Kerajaan Negeri dgn Persekutuan

8. T5 BAB 5

- Rasional & langkah pembentukan Malaysia

9. T5 BAB 10

- Latar belakang & pelibatan Malaysia dlm NAM & OIC

SET 2

1. T4 BAB 1

- Golongan pemerintah dan rakyat / peranan

2. T4 BAB 10

-Peranan jawatankuasa sambutan & fizikal/kesan PES

3. T5 BAB 2

- Perlembagaan/ciri tradisonal & moden/ kepentingan

4. T5 BAB 9

- ASEAN - matlamat & sumbangan

5. T4 BAB 2

- Nasionalisme di Filipina, Indonesia & Thailand

6. T5 BAB 3

- Perang Dunia Kedua - faktor - peristiwa & kesan

7. T5 BAB 6

- Komunis/isu pembangunan & eko / tragedi 13 Mei

8. T5 BAB 8

-Dasar Pembangunan Nasional & pencapaian DEB,DPN

9. T5 BAB 10

- Isu kemanusiaan - Palestin, Syria, Aceh & Sri Lanka

HUKUM KANUN MELAKA

vs UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA

1



Jenayah membunuh - hukuman setimpal kesalahan

3



Kekeluargaan - Wanita tidak boleh jadi saksi kahwin

2



Peranan Sultan - lantik pembesar seperti Bendahara

4



Ekonomi - riba diharamkan - lafaz jual beli

1



Peranan Nakhoda - ibarat raja dlm pelayaran - Kena patuh arahan

3



Jenayah atas kapal - hukum membunuh atas kapal

2




Pelayaran - jurumudi, malim - mahir keadaan ombak, bintang, arus

4



Cukai - perdagangan - nakhoda tentukan cukai penumpang

1. Rajah berikut menunjukkan undang-undang yang dilaksanakan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.



- (a) Nyatakan perkara yang dibincangkan dalam Hukum Kanun Melaka. [2 markah]

- Jenayah membunuh dan hukuman setimpal kesalahan serta peranan sultan
- Urusan ekonomi dimana riba diharamkan serta perlu ada lafaz jual beli

- (b) Mengapakah Undang-Undang Laut Melaka penting kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka? [4 markah]

Undang-Undang Laut Melaka penting kerana dapat menjelaskan peranan nakhoda dan malim dalam pelayaran. Selain itu, ianya penting kerana menerangkan kesalahan jenayah atas kapal seperti membunuh serta sistem cukai perdagangan yang sistematik dan adil.


- (c) Maklumat berikut merujuk kepada prinsip keempat Rukun Negara.

Kedaulatan Undang-Undang

Mengapakah prinsip tersebut penting kepada rakyat Malaysia? [4 markah]

Prinsip tersebut penting kepada rakyat Malaysia kerana dapat menjamin keadilan. Hal ini dapat memastikan hak setiap rakyat terbela. Contohnya hak untuk mendapatkan kebebasan asasi. Kesannya, rakyat hidup sejahtera dan kemajuan ekonomi negara dapat dicapai.

1. Rajah berikut menunjukkan pembahagian masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Namakan mereka yang termasuk dalam golongan berikut:
- Golongan pemerintah : Sultan / pembesar / kerabat raja / ulama [1 markah]
 - Golongan rakyat : Peniaga / petani / tukang / nelayan / hamba [1 markah]
- (b) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka? [4 markah]
- Peranan pemerintah ialah menjaga keselamatan dan memastikan perpaduan rakyat. Selain itu, memastikan kestabilan kerajaan dan menjaga kebajikan rakyat. Manakala rakyat pula berperanan taat setia dan tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah. Akhir sekali rakyat perlu menyumbang tenaga sebagai tentera dan membina istana.
- (c) Dalam kehidupan bernegara, hubungan baik pemerintah dengan rakyat sangat penting sebagaimana kata-kata di bawah. [4 markah]

Raja dan rakyat berpisah tiada

Mengapakah hubungan tersebut penting kepada sesebuah negara?

Hubungan tersebut penting kerana bagi menjamin kesejahteraan negara dan memastikan rakyat taat setia kepada pemerintah. Selain itu, pemerintah menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat agar keamanan terjamin. Manakala rakyat saling menyumbang tenaga sebagai tentera bagi mempertahankan kedaulatan kerajaan.

1.4 : PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT

Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat raja dan ulama

Rakyat terdiri daripada peniaga, petani, tukang dan nelayan.

PERANAN SULTAN

- Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri baginda
- Mewujudkan perpaduan rakyat
- Bertanggungjawab terhadap kemakmuran serta kestabilan kerajaan
- Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat

PERANAN PEMBESAR

- Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan
- Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
- Mengutip hasil melalui sistem serah dan membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah

PERANAN RAKYAT

- Menunjukkan taat setia kepada pemerintah
- Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa **tulah**
- Menjadi tentera
- Menghadiri majlis umum seperti goton-royong
- Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan

5. Nasionalisme di Asia Tenggara berkembang daripada kesedaran memperjuangkan hak dan kemerdekaan serta mengekalkan kedaulatan negara.

(a) **Jelaskan faktor teretusnya gerakan nasionalisme di negara berikut:**

i. **Filipina**

[4 markah]

Nasionalisme di Filipina berlaku kerana ingin menghapuskan penjajah asing melalui gerakan propaganda yang dipimpin Jose Rizal dengan menubuhkan Liga Filipina. Selain itu, ada gerakan radikal dengan menubuhkan Katipunan untuk dapatkan kemerdekaan yang diketuai Bonifacio

ii. **Indonesia**

[4 markah]

Nasionalisme di Indonesia berlaku kerana ingin mendedahkan penindasan penjajah Belanda serta kemunduran bangsa Indonesia. Selain itu, isu pendidikan wanita diketengahkan oleh Raden Adjeng Kartini melalui karya Habis Gelap Terbitlah Terang. Selain itu, pertubuhan Muhammadiyah contohnya mempertahankan Islam daripada sekularisme dan penentangan radikal melalui penubuhan Sarekat Islam dan Soekarno telah memperjuangkan kemerdekaan

iii. **Thailand**

[4 markah]

Nasionalisme di Thailand berlaku kerana ingin mempertahankan kedaulatan Thailand dengan membina hubungan baik dengan kuasa Barat lalu melaksanakan pemodenan dan birokrasi Barat. Contohnya membawa masuk penasihat Barat seperti polis untuk melatih pegawai tempatan. Selain itu, nasionalisme di Thailand juga muncul kerana rakyat menentang raja berkuasa mutlak dengan melancarkan Revolusi Thai. Kesannya raja berkuasa mutlak tamat.

5(b) Baca petikan berikut.

M1

Anak muda merupakan teras kepada banyak gerakan nasionalisme melawan kolonialisme di banyak negara dunia ketiga. Malan M2 naratif anak muda dalam gerakan nasionalisme di Malaysia, meskipun disebut sedikit di sana sini, kurang diberi penghargaan selayaknya M3 sebagaimana yang berlaku di negara pasca-kolonial lainnya. Naratif ini sering pula lenyap dengan naratif kaum mahupun ideologi. Sebagai bandingan, pemerhatian umum terhadap episod berterusan sepanjang gerakan nasionalisme di Asia Timur dan Asia Tenggara jelas membuk M4 peranan penting anak muda dalam mencapai perubahan sama ada dalam bentuk melawan penjajahan mahupun mengisi kemerdekaan. M5

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya generasi muda tidak mempunyai semangat nasionalisme. [8 markah]

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah anak muda jadi asas kepada nasionalisme menentang penjajah dan mengisi kemerdekaan negara. Selain itu, naratif anak muda dalam gerakan nasionalisme di negara kita kurang diberi penghargaan serta dilenyapkan dengan naratif kaum. Maklumat seterusnya ialah gerakan nasionalisme di Asia Timur dan Asia Tenggara membuktikan peranan anak muda dalam mencapai perubahan.

Kesan sekiranya generasi muda tidak mempunyai semangat nasionalisme ialah mereka tidak akan mampu lagi melawan penjajah lalu negara mudah diceroboh oleh anasir asing. Kesan seterusnya ialah kemerdekaan negara kita akan tergugat serta mereka tidak akan mampu membawa kepada perubahan kepada negara. Kesannya, pembangunan negara akan terbantut.

T4B2 : NASIONALISME DI FILIPINA - ms 28 Formula : KATIPUNAN



✓ **KATIPUNAN** dipimpin **BONIFACIO** perjuangankan kemerdekaan daripada Sepanyol



✓ **AKHBAR KALAYAN** sebarkan idea perjuangan



✓ **Tubuhkan LIGA FILIPINA**



✓ **TUNTUT** hak sama rata dengan bangsa Sepanyol



✓ **Tokoh JOSE RIZAL**



✓ **Idea REVOLUSI FILIPINA** dilancarkan tetapi gagal



✓ **PERUBAHAN** politik, ekonomi dan sosial dituntut



✓ **Pergerakan PROPAGANDA**



✓ **Ubah strategi dengan gunakan DIPLOMASI**



✓ **Nasionalis RADIKAL**

✓ **AGUINALDO** bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan isyhtiharkan kemerdekaan

✓ **Namun KEMERDEKAAN TIDAK DIKTIRAF** Amerika Syarikat



KATIPUNAN



T4B2 : NASIONALISME DI INDONESIA - ms 30 Formula : KARTINI

K

- ✓ KARYA Habis Gelap Terbitlah Terang
- ✓ Raden Adjeng KARTINI
- ✓ KEMUNDURAN bangsa Indonesia
- ✓ KEMAJUAN pendidikan wanita
- ✓ KEMERDEKAAN Indonesia diperjuangkan



A

- ✓ AGAMA Islam dipertahankan oleh MUHAMMADIYAH

R

- ✓ RADIKAL melalui pertubuhan Sarekat Islam (SI), Partai Komunis Indonesia (PKI), Partai Nasionalis Indonesia (PNI)

T

- ✓ Tolak SEKULARISME dan PENJAJAHAN Belanda
- ✓ Tokoh SOEKARNO

I

- ✓ IKRAR sumpah Pemuda 'Satu Tanah Air, Satu Bangsa, Satu Bahasa'

N

- ✓ NASIB rakyat Indonesia perlu diubah

I

- ✓ ISU PENDIDIKAN diperjuangkan



T4B2 : NASIONALISME DI THAILAND- ms 31 Formula : BIROKRASI

- ✓ **BIROKRASI** diperkenalkan raja Thailand
- ✓ **BINA HUBUNGAN BAIK** dengan Barat
- ✓ Ingin **KEKALKAN KEMERDEKAAN** Thailand
- ✓ Raja guna **DIPLOMASI** dan **MODENkan** Thailand
- ✓ **RAJA MONGKUT** dan **RAJA CHULALONGKORN**
- ✓ **ORANG BARAT** dibawa masuk **LATIH** penduduk tempatan
- ✓ **KERABAT RAJA** kuasai politik
- ✓ **RAJA VAJIRAVUDH** lemah mentadbir
- ✓ **RAKYAT GELISAH** penguasaan raja
- ✓ **REVOLUSI THAI** dilancarkan oleh **PARTI RAKYAT**
- ✓ **RAJA** berkuasa **MUTLAK TAMAT**
- ✓ **RAJA BERPERLEMBAGAAN** diperkenalkan
- ✓ **ANCAMAN** ekonomi oleh orang Cina dan Barat
- ✓ **SEKATAN** undang-undang dilaksanakan oleh **PHIBULSONGKRAM**
- ✓ Ingin rakyat tempatan terlibat dalam ekonomi



YaPEIM  tv



**JELASKAN
PERKEMBANGAN
NASIONALISME
DI THAILAND**

Bistro1mu 

T4B2 : NASIONALISME DI INDIA- ms 26 Formula : GANDHI



- Guna **KEKERASAN** dan **GERAKAN MILITAN**
- Guna **SATYAGRAHA** iaitu **BERJUANG TANPA KEGANASAN** diketuai **MAHATMA GHANDI**



- **AGAMA** dan budaya diancam
- **ARYA SAMAJ** pertubuhan yang seru rakyat cintakan budaya tempatan



- **Nasionalis RADIKAL** seperti **BAL GANGADHAR TILAK & BIPIN CHANDRA PAL**



- **DAHAGI INDIA** dilancarkan askar upahan British



- Halang **IMPERIALISME** British



- **Intelektual India** jadikan nasionalisme tersusun
- **INC** ditubuhkan & tidak bekerjasama dgn British
- **India MERDEKA**



T4B2 : NASIONALISME DI CHINA - ms 26 Formula : MANCHU

M

- ❖ **DINASTI MANCHU** hilang mandat
- ❖ Dinasti Manchu berjaya **DITUMBANGKAN**

A

- ❖ **Anggap Dinasti Manchu ORANG LUAR**

N

- ❖ **Nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial (San Min Chu-i)** iaitu Tiga Prinsip Rakyat dikemukakan **DR SUN YAT SEN**

C

- ❖ **China jadi REPUBLIK**

H

- ❖ **HALANG CAMPUR TANGAN Barat & anti-Barat**

U

- ❖ **Usaha KUKUHKAN PERADABAN China**



ISLAH

- ISLAH ialah gerakan PEMULIHAN ISLAM
- Ingin BAIKI KEHIDUPAN masyarakat
- Seru IKUT AJARAN ISLAM
- Seru PERPADUAN umat Islam
- SHEIKH MUHAMMAD ABDUH & Sayid Jamal al-Din al-Afghani tokohnya
- Lepaskan diri dari penjajah
- AL-QURAN dan HADIS dijadikan pegangan
- AKHBAR al-Urwah al-Wuthqa sebar idea PAN-ISLAMISME
- Halang IMPERIALISME Barat
- Hadapi pertembungan budaya tempatan dan Eropah





- ✓ Maharaja MIKADO MEIJI
- ✓ MODENkan & Memulihkan Jepun
- ✓ Mengikut MODEL Barat



- ✓ Elak IMPERIALISME Barat



- ✓ Ingin Jepun MAJU dan DIHORMATI



- ✓ Jepun jadi negara INDUSTRI
- ✓ Jepun jadi KUASA TENTERA KUAT
- ✓ Jepun jadi KUASA IMPERIALIS di Asia



- ✓ Ikuti SEMANGAT BUSHIDO (sanggup tanggung risiko & sedia berkorban)



T4B2 : NASIONALISME DI BURMA - ms 29 Formula : KASUT

- K**
- isu KASUT bangkitkan penentangan
 - KEKALKAN tradisi Buddha
 - KEMERDEKAAN Burma diperjuangkan



- A**
- AGAMA Buddha, budaya dan pendidikan terancam
 - AUNG SAN pemimpin golongan THAKIN

- S**
- SAMI Buddha dan petani MENENTANG BRITISH
 - SAYA SAN ketua PEMBERONTAKAN
 - SISTEM CUKAI yang bebankan petani

- U**
- U BA PE pemimpin RADIKAL
 - UNIVERSITI dituntut dalam Revolusi Pelajar

- T**
- THAKIN (siswazah universiti) menentang imperialisme British



T4B2 : NASIONALISME DI VIETNAM - ms 29 Formula : MANDARIN

- M** ✓ MENENTANG dan mengusir PERANCIS
✓ Mahu pulihkan SISTEM BERAJA
✓ Menuntut HAK RAKYAT
- A** ✓ Akhbar TRIBUNE INDIGE & CLOCHE FELEE kritik Perancis
- N** ✓ NGUYEN THAI HOC dihukum bunuh
- D** ✓ Dipelopori golongan bangsawan dan MANDARIN
✓ DEMOKRASI, nasionalisme dan sosialisme teras perjuangan
- A** ✓ Adakan PEMBERONTAKAN dan REVOLUSI
- R** ✓ REPUBLIK Vietnam dibentuk
- I** ✓ INTELEKTUAL tingkatkan kesedaran anti-Perancis
✓ IDEOLOGI komunisme dan nasionalisme
✓ Isyhtiharkan KEMERDEKAAN oleh HO CHI MINH
- N** ✓ Nasionalis Vietnam ditangkap Perancis



3.3 PERANG DUNIA KEDUA

Jelaskan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua pada tahun 1939-1945 T4B3 ms 58-59

- 1. Muncul ideologi baru fasisme di Itali iaitu Mussolini -negara lebih penting dari individu manakala nazisme di Jerman iaitu Hitler - agungkan bangsa Jerman**
- 2. Ketidakpuasan hati Jerman dalam perjanjian Versailles - kena bayar pampasan perang, berlaku inflasi - Jerman hilang tanah jajahan - berlaku kemelesetan ekonomi - kecilkan angkatan tentera**
- 3. Kegagalan Liga Bangsa - menjaga keamanan - gagal kuatkuasa pelucutan senjata - pencerobohan ke atas Manchuria, Habsyah - Jerman besarkan angkatan tentera**





T4B3: 3.3 - FAKTOR PERANG DUNIA KEDUA ms 58-59

- Ideologi fasisme & nazisme
- Inflasi berlaku di Jerman

- Liga Bangsa-Bangsa gagal jaga keamanan, gagal halang pencerobohan terhadap Manchuria, Habsyah dan kuatkuasa pelucutan senjata

- Rhineland dikuasai Jerman
- Gerakan politik radikal

HITLER



- Hitler agungkan bangsa Jerman
- Hilang tanah jajahan

- Tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles
- Tuntutan pampasan perang yang tinggi
- Tentera perlu dikecilkan

- Ekonomi Jerman meleset



6. Maklumat berikut berkaitan peristiwa Perang Dunia Kedua.

Tahun	1939 -1945
Lokasi	Negara Eropah dan utara Afrika Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara

- (a) **Mengapakah tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah?** [6 markah]
Perang Dunia Kedua di Eropah kerana muncul ideologi baru iaitu fasisme di Itali yang diketuai Benito Mussolini manakala nazisme di Jerman dan diketuai Adolf Hitler yang mengagungkan bangsa Jerman. Selain itu Jerman tidak puas hati dengan Perjanjian Versailles kerana dianggap tidak adil. Ini kerana Jerman hilang tanah jajahan dan terpaksa bayar pampasan perang yang tinggi. Akhir sekali ialah Liga Bangsa-Bangsa gagal jaga keamanan dan halang pencerobohan serta kuatkuasa pelucutan senjata.
- (b) **Kebijaksanaan mengatur strategi membawa kejayaan kepada Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua. Buktikan** [6 markah]
Buktinya ialah adanya kerjasama kuasa besar. Contohnya Presiden Amerika Syarikat Rusia dan Britain sering bertemu untuk membuat keputusan ketenteraan. Hal ini berjaya menggagalkan operasi menawan Rusia. Selain itu, tempoh perang panjang lalu menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan. Ini melemahkan semangat tentera Jerman. Akhir sekali ialah strategi peperangan yang berkesan dan kejayaan operasi pendaratan Tentera Bersekutu yang diberi nama kod "D-Day".

6(c) Maklumat berikut berkaitan dengan Perang Dunia Kedua.

Kita harus mempertahankan penyelarasan berpusat sistem antarabangsa oleh PBB serta prinsip-prinsip kesaksamaan, saling menghormati, tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara-negara berdaulat, penyelesaian damai untuk pertikaian, menolak hukuman unilateral, demi untuk bekerjasama mengatasi cabaran bersama.

Astro Awani 3 September 2021

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan perang daripada berlakunya? [8 markah]

Sesebuah negara dapat mengelakkan perang daripada berlakunya dengan cara berusaha menyelesaikan sesuatu pertikaian melalui perundingan dan tidak bertindak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu, pemimpin yang bijaksana perlu bertindak tanpa emosi agar suasana tegang dapat di atasi tanpa perang. Hal ini dapat mengelakkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda yang dahsyat. Seterusnya, sesebuah negara tidak perlu campur tangan urusan negara lain dan menghormati kedaulatan negara lain serta perlu mematuhi Piagam PBB. Kesannya dunia akan aman tenteram tanpa peperangan.



- PENENTANGAN ORANG MELAYU terhadap Malayan Union
- Pelaksanaan Malayan Union akan CETUSKAN HURU-HARA
- PENUBUHAN PERSEKUTUAN bertaraf naungan dituntut
- PERJANJIAN BAHARU menggantikan Malayan Union
- PESURUHJAYA TINGGI menggantikan Gabenor
- Perkataan “NEGERI-NEGERI MELAYU” perlu wujud
- Pembentukan PTM wujudkan KESTABILAN POLITIK



- RAJA MELAYU & UMNO beri CADANGAN
- Raja perlu BERKUASA dalam PERUNDANGAN
- Raja perlu TERLIBAT DALAM PENTADBIRAN



- SOKONGAN PEGAWAI BRITISH
- Sokongan bekas pegawai British
- Selaras DASAR DEKOLONISASI oleh PBB melalui PIAGAM ATLANTIK











- Gabungkan 9 negeri Melayu dan 2 negeri Selat
- SINGAPURA diasingkan
- Diketuai PESURUHJAYA TINGGI BRITISH
- Membentuk Majlis Raja-Raja

- Raja boleh beri pandangan melalui Majlis Raja-Raja
- Raja berkuasa sahkan undang-undang

- KEWARGANEGARAAN
- Secara KUATKUASA UNDANG-UNDANG dan PENDAFTARAN
- Prinsip JUS SOLI terbuka kepada RAKYAT RAJA dan RAKYAT BRITISH



-  ➤ Mengembalikan kuasa Raja-Raja Melayu
-  ➤ Membentuk Majlis Raja-Raja
-  ➤ Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
-  ➤ Membuka ruang kewarganegaraan
-  ➤ Membentuk perpaduan kaum
-  ➤ Membentuk CLC
-  ➤ Membentuk persefahaman kaum
-  ➤ Merintis kemerdekaan negara

5. Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(a) **Mengapakah British membentuk persekutuan tersebut?** [6 markah]

British membentuk PTM 1948 kerana penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union (MU) kerana MU akan menjejaskan kedudukan Raja Melayu dan orang Melayu serta akan mencetuskan huru-hara. Sebaliknya pembentukan PTM 1948 akan mewujudkan kestabilan. Selain itu, ialah terdapat cadangan Raja Melayu dan UMNO agar raja perlu berkuasa dalam pentadbiran dan undang-undang. Akhir sekali ialah pembentukan PTM mendapat sokongan pentadbir British serta selaras dengan dasar dekolonisasi.

(b) **Jelaskan sebab orang Melayu menerima baik persekutuan ini?** [6 markah]

Orang Melayu menerima baik pembentuk PTM 1948 kerana syarat kerakyatan diperketatkan dan menjamin hak istimewa orang Melayu. Selain itu, pembentukan Majlis Raja-Raja serta mengembalikan kuasa raja. Seterusnya, rang undang-undang perlu mendapat pekenan Raja-raja dan Tanah Melayu mendapat taraf naungan dan diketuai Pesuruhjaya Tinggi British.

5 (c) Baca petikan berikut.

Apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 digubal bagi maksud pembentukan sebuah persekutuan, perkara yang menyentuh kepentingan orang Melayu sebagai bangsa asal terus diberi perhatian. Hal ini tidak pelik kerana melalui kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Raja-Raja Melayu juga memperkenankan bangsa dan kaum asing diterima masuk sebagai warganegara.

Lantaran itu, kedudukan istimewa orang Melayu diletak di bawah tanggungjawab khas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, yang juga berfungsi untuk memelihara kepentingan sah kaum lain. Realiti yang ada pada hari ini menunjukkan ekonomi dan kekayaan Malaysia masih dikuasai kaum bukan Melayu dan bukan anak-anak negeri.

Kedudukan itu bukti kukuh bahawa Perkara 153 bukanlah satu dasar yang menghalang kaum bukan Melayu dan anak negeri untuk meraih kekayaan, jauh sekali bersifat diskriminasi yang bercanggah dengan prinsip keadilan.

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan dan mengapakah keistimewaan tersebut perlu dikekalkan? [8 markah]

Maklumat yang terkandung dalam petikan ialah PTM 1948 menekankan aspek kepentingan orang Melayu dan Raja-raja Melayu mengesahkan kaum lain diterima sebagai warganegara serta hak istimewa orang Melayu di bawah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan. Selain itu, hari ini ekonomi negara dikuasai kaum bukan Melayu serta perkara 153 tidak mendiskriminasikan kaum lain. Keistimewaan tersebut perlu dikekalkan bagi memastikan status quo bumiputera terjamin dan menjaga kepentingan peribumi sertaelihara harmonian kaum agar elakkan rasa tidak puas hati.

6. Pembentukan Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948 mendapat reaksi berbeza daripada penduduk tempatan.



(a) **Jelaskan reaksi terhadap pembentukan berikut:**

(i) **Malayan Union 1946**

[3 markah]

Reaksi orang Melayu terhadap MU ialah buat bantahan melalui akhbar seperti Utusan Melayu dan mendapat bantahan cendekiawan seperti Dato' Onn Jaafar. Selain itu, tubuhkan UMNO untuk menentang MU dan adakan demonstrasi di Kelantan, Kedah dan Johor

(ii) **Persekutuan Tanah Melayu 1948**

[3 markah]

Orang Melayu menerima baik PTM 1948 kerana syarat kerakyatan diperketatkan kerana menjamin hak istimewa dan mengembalikan kuasa raja serta terbentuknya Majlis Raja-Raja. Selain itu, Tanah Melayu mendapat taraf naungan dan diketuai Pesuruhjaya Tinggi British.

(b) **Bandingkan ciri-ciri pentadbiran di 6(a)i dan 6(a)ii.**

[6 markah]

Ciri-ciri pentadbiran Malayan Union ialah diketuai Gabenor British dan Tanah Melayu dijajah secara mutlak. Selain itu, Raja Melayu hanya menjadi ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama dan adat istiadat serta kerakyatan secara jus soli.

Manakala pentadbiran PTM 1948 ialah diketuai Pesuruhjaya Tinggi British dan menjadi sebuah Persekutuan bertaraf naungan. Selain itu, Majlis Raja-Raja diuruskan sendiri Raja Melayu dan Raja Melayu berkuasa dalam pentadbiran serta kerakyatan secara kuatkuasa undang-undang dan pendaftaran.

P
O
L
I
S

- Pembunuhan 3 pengurus ladang di Sg Siput
- Perisytiharan darurat dilakukan
- Orang awam diugut & diancam keselamatannya
- Lumpuhkan ekonomi
- Letupkan landasan kereta api
- Lombong bijih timah & ladang getah dibakar
- Lancarkan pemberontakan bersenjata
- Infrastruktur jalan, air & telefon dirosakkan
- Serang balai polis & pasukan keselamatan
- Serang pekerja lombong & ladang
- Sabotaj kemudahan awam
- Seksa & bunuh penduduk
- Sir Henry Gurney dibunuh



- K** ➤ Kg Baru diwujudkan / Kad pengenalan diperkenalkan / Kuatkuasa Undang-Undang Darurat
- K** ➤ Kawasan hitam dan putih diperkenalkan / Ketatkan undang-undang senjata api
- K** ➤ Kawalan keselamatan diperketatkan / Kem dan markas komunis dimusnahkan
- K** ➤ Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat / Komanwel beri bantuan askar
- O** ➤ Orang asli jadi Senoi Praaq / Orang awam dilarang keluar rumah
- M** ➤ Melancarkan Rancangan Briggs / Mengajak rakyat bekerjasama / Membanteras Min Yuen
- M** ➤ Menyekat bekalan makanan/ Melancarkan Perang Saraf / Mengadakan lawatan
- M** ➤ Memenangi hati rakyat / Menawarkan hadiah wang tunai / Mengenakan hukuman berat
- M** ➤ Mengharamkan PKM / Menangkap pemimpin radikal / Menyamar sebagai komunis
- U** ➤ Unit Polis dan Askar Melayu ditubuhkan / Umumkan tawaran pengampunan
- N** ➤ Naik taraf Rejimen Askar Melayu / Nak komunis serah diri dan letak senjata melalui Rundingan Baling namun gagal
- I** ➤ Iklan dan wayang gambar diguna untuk sebar maklumat / Ishak Hj Muhammad ditangkap
- S** ➤ Susun pasukan keselamatan / Special Constable mengawal ladang dan lombong
- S** ➤ Sarawak Rangers jejak persembunyian komunis / Sukarelawan Home Guard kawal kg

DERITA

- Derita dan sengsara
- Derma MCA melalui jualan loteri untuk Kg Baru
- Ekonomi terjejas
- Emosi terganggu
- Ramai terbunuh & rugi harta benda
- Renggangkan hubungan antara kaum
- India dan Cina dapat kewarganegaraan
- Infrastruktur musnah
- Inflasi berlaku
- Tingkatkan kos perbelanjaan
- Tertubuhnya MCA
- Ancam keselamatan rakyat
- Anggota keselamatan dibunuh
- Aktiviti harian terbatas
- Asingkan petempatan penduduk



6. Darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk Tanah Melayu.
- (a) **Mengapakah pihak kerajaan mengisytiharkan darurat?** [6 markah]
 Pihak kerajaan mengisytiharkan darurat kerana pembunuhan tiga pengurus ladang di Sg Siput dan mengancam keselamatan dengan membunuh orang awam. Selain itu, komunis bertindak melumpuhkan ekonomi seperti meletupkan landasan kereta api dan membakar ladang getah. Komunis juga melancarkan pemberontakan bersenjata dengan menyerang balai polis serta pasukan keselamatan dan sabotaj kemudahan awam.
- (b) **Jelaskan kesan zaman darurat di Tanah Melayu.** [6 markah]
 Kesan zaman darurat ialah rakyat menderita dan sengsara serta ekonomi negara terjejas. Selain itu, ramai terbunuh dan kerugian harta benda serta merenggangkan hubungan antara kaum. Seterusnya, banyak infrastruktur musnah dan berlakunya inflasi serta ramai anggota keselamatan dibunuh. Akhir sekali, berlaku pengasingan petempatan penduduk.
- (c) **Baca maklumat berikut.**

Sesungguhnya darurat dan keganasan komunis bukan sahaja mendatangkan kesusahan dan penderitaan kepada penduduk malah menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial. Masalah ini juga telah meningkatkan lagi beban perbelanjaan kerajaan. Beribu-ribu penduduk yang tidak berdosa terpaksa meninggalkan kampung halaman berpindah ke kawasan yang disediakan oleh kerajaan. Peperangan selama 12 tahun ini juga telah menyebabkan beribu nyawa terkorban termasuklah perajurit-perajurit negara yang gugur dalam mempertahankan tanah air daripada pencabulan dan pencerobohan musuh.

Bincangkan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut.

[8 markah]

6 (c) Baca maklumat berikut.

Sesungguhnya darurat dan keganasan komunis bukan sahaja mendatangkan kesusahan dan penderitaan kepada penduduk malah menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial. Masalah ini juga telah meningkatkan lagi beban perbelanjaan kerajaan. Beribu-ribu penduduk yang tidak berdosa terpaksa meninggalkan kampung halaman berpindah ke kawasan yang disediakan oleh kerajaan. Peperangan selama 12 tahun ini juga telah menyebabkan beribu nyawa terkorban termasuklah perajurit-perajurit negara yang gugur dalam mempertahankan tanah air daripada pencabulan dan pencerobohan musuh.

Bincangkan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut.

[8 markah]

Maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut ialah darurat mendatangkan penderitaan dan menjejaskan perkembangan ekonomi serta sosial rakyat. Selain itu, darurat meningkatkan beban perbelanjaan kerajaan dan beribu-ribu penduduk terpaksa meninggalkan kampung serta banyak nyawa terkorban.

Pengajarannya daripada darurat dan keganasan komunis ini ialah rakyat perlu bersatu mempertahankan negara daripada sebarang bentuk ancaman asing. Selanjutnya, sistem pertahanan negara perlu dikukuhkan. Selain itu, kita perlu menolak fahaman komunis. Ini bagi memastikan keamanan negara demi menjamin kemajuan negara.



S sistem kabinet bayangan
selaras dasar dekolonisasi

I isi dan jaga portfolio tertentu

S setaraf Menteri

T tadbir jabatan & cadangkan undang-undang

E E.C Thuraisingham / Dato Onn Jaafar

M memupuk perpaduan kaum

A asas berkerajaan sendiri / asas kemerdekaan
ahli di lantik Pesuruhjaya Tinggi British

H H.S Lee
hal ehwal ekonomi kekal di bawah British

L latih penduduk dalam pentadbiran
letak Ahli dibawah kuasa PTB

Lee Tiang Keng - Ahli Kesihatan

I Ismail Abdul Rahman - Ahli Hasil Bumi

2. British memperkenalkan Sistem Ahli bagi melicinkan pentadbiran mereka di Tanah Melayu pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.

(a) **Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan?** [3 markah]

Sistem Ahli diperkenalkan untuk latih penduduk tempatan dalam pentadbiran dan proses perpaduan kaum. Selain itu, proses kemerdekaan Tanah Melayu dan berkerajaan sendiri.

(b) **Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli?** [3 markah]

Ciri-ciri Sistem Ahli ialah satu kabinet bayangan dan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Ahlinya bertaraf Menteri dan memegang satu portfolio serta bertanggungjawab mencadangkan undang-undang di jabatannya.

(c) **Jelaskan rasional British mengekalkan portfolio berikut di bawah pentadbiran mereka.**

[4 markah]

STIMULUS

- Hal Ehwal **Ekonomi**
- **Perindustrian dan Perhubungan Sosial**
- **Perumahan dan Kerja Raya**

Rasionalnya ialah British ingin menguasai ekonomi di Tanah Melayu seperti bijih timah. Hal ini, membolehkan industri British berjalan lancar. Selain itu, memastikan hubungan luar British dan pelabur tidak terjejas. Akhir sekali, British ingin mengawal proses pembangunan perumahan di Tanah Melayu.

2. Baca maklumat dalam petikan berikut

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) yang dibentuk pada 9 Januari 1949 sebahagian usaha tepat yang dilaksanakan bagi menjalin kembali semangat muhibah dan kerjasama antara kaum. Perundingan antara pemimpin pelbagai kaum ke arah membentuk perpaduan bagi mencapai kemerdekaan.

Sumber : ejournal.um.edu.my-hubungan etnik di Tanah Melayu

- (a) Nyatakan tiga matlamat penubuhan CLC [3 markah]
- Mengkaji hubungan antara kaum ✓₁
 - Mewujudkan suasana harmoni antara penduduk ✓₁
 - Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial rakyat ✓₁
- (b) Apakah isu pertikaian antara kaum yang perlu diselesaikan CLC. [3 markah]
Antara isunya ialah kedudukan istimewa orang Melayu dan kedudukan ekonomi orang Melayu serta kewarganegaraan bukan Melayu. Selain itu, isu kesediaan ke arah berkerajaan sendiri dan kurikulum pendidikan yang berbeza ikut kaum.
- (c) CLC berjaya membentuk persefahaman antara pemimpin kaum di Tanah Melayu. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [4 markah]
Buktinya ialah wujudnya kerjasama antara kaum dan segala isu diselesaikan melalui perundingan. Hal ini merintis ke arah kemerdekaan dan berkerajaan sendiri. Selain itu kedudukan istimewa orang Melayu diakui dan kepentingan kaum lain diiktiraf.

Jawatankuasa pendidikan dibentuk dan kaji sistem pendidikan

Hak istimewa orang Melayu diakui
Hak kaum lain diiktiraf & syarat kewarganegaraan dilonggarkan

3. Kesan penubuhan
JHAK @ CLC

Agensi RIDA meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu
amalkan muafakat, toleransi dan rundingan selesaikan isu
adakan pilihan raya bandaran, negeri dan MPP

Kaji hubungan antara kaum
kembalikan keharmonian penduduk
kembalikan kestabilan politik, ekonomi dan sosial rakyat

1. Objektif
JHAK @
CLC

1. kedudukan istimewa orang Melayu
2. kedudukan ekonomi orang Melayu
3. kewarganegaraan bukan Melayu
4. kesediaan ke arah berkerajaan sendiri
5. kurikulum pendidikan yang berbeza ikut kaum

2. Isu JHAK @ CLC



10.1 - PENGERTIAN KEMERDEKAAN

Maksud merdeka ialah **bebas dari penjajahan asing dan bebas memerintah serta tentukan hala tuju negara**. Selain itu, jadi **negara berdaulat yang mempunyai kuasa tertinggi serta bebas daripada kurungan dan naungan**

10.2 - PERSEDIAAN MENYAMBUT PEMASYHURAN KEMERDEKAAN NEGARA

10.3 - DETIK PEMASYHURAN KEMERDEKAAN NEGARA

10.4 - KESAN KEMERDEKAAN TERHADAP NEGARA KITA



JK PERSEDIAAN FIZIKAL & SAMBUTAN

1. **Jelaskan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara kita.**

T4B10 ms 236-237

- i. **Bina stadium merdeka**
- ii. **Bina istana negara**
- iii. **Cipta lagu Negaraku**
- iv. **Cipta bendera kebangsaan**
- v. **Cipta jata negara**
- vi. **Pasang bendera dan lampu**
- vii. **Gaji dibayar awal seminggu**



ENCIK SAIFUL BAHRI

PENCIPTA LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

SEJARAH LAGU 'NEGARAKU'

1956

1963

1964

1965

1966


1967

1968

1969



3





**JELASKAN KESAN
KEMERDEKAAN
TERHADAP NEGARA KITA**

- M**enyediakan kemudahan asas seperti hospital
majukan luar bandar
- M**erapatkan jurang & taraf hidup rakyat
menggunakan BM sebagai bahasa pengantar
- E**konomi luar bandar ditumpu melalui FELDA
- R**aja Berperlembagaan diamalkan
- R**ancangan Buku Merah pantau
- D**emokrasi Berparlimen diamalkan
dipimpin Tunku Abdul Rahman sbg PM pertama
DBP ditubuhkan mantapkan bahasa Melayu
diktiraf PBB
- E**konomi dipelbagaikan untuk basmi kemiskinan
elektrik, air dan jalan raya disediakan
- K**etua negara ialah Yang diPertuan Agong
kukuhkan pertahanan negara
kerjasama dengan negara luar seperti Jepun
kerjasama pertahanan melalui AMDA
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- A**nggotai PBB dan KOMANWEL

T4B10 ms 236-237

Persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan

1

**Bina Stadium Merdeka**

2

**Bina Istana Negara**

3

LAGU NEGARAKU

Negaraku,
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup,
Bersatu dan maju,
Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita selamat bertakhta,
Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,

**Cipta Lagu Negaraku**

4

**Cipta bendera
kebangsaan**

5

**Cipta Jata Negara**

6

**Pasang bendera &
lampu**

7

**Gaji awal seminggu**

8

**Protokol
Tatatertib Majlis****Anjur kursus protokol**

10.4 - KESAN KEMERDEKAAN TERHADAP NEGARA KITA

1. Sistem Raja Berperlembagaan & YDPA ketua negara
2. Demokrasi Berparlimen – rakyat pilih pemimpin melalui pilihan raya – Parlimen gubal undang2
3. Tunku Abdul Rahman - Perdana Menteri pertama
4. Kukuhkan pertahanan negara dan jalin hubungan dengan negara luar seperti Indonesia, Jepun
5. Diiktiraf PBB dan menganggotai KOMANWEL
6. Tubuhkan FELDA –majukan luar bandar –buka tanah baharu –tanam sawit, getah –beri kemudahan asas
7. Pembangunan negara melalui Kementerian Luar Bandar – bangun infrastruktur – ekonomi
8. Rancangan Buku Merah – projek kemudahan asas – memantau kemajuan pembangunan
9. Pendidikan guna BM bahasa pengantar di sekolah
10. Tubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
11. Bina hospital & pusat kesihatan demi kesejahteraan
12. Sediakan kemudahan asas – elektrik , air, jalan raya, sekolah – rapatkan jurang dan taraf hidup



2. Tanggal 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang amat bermakna bagi rakyat Malaysia di mana negara kita secara rasmi telah menjadi sebuah negara yang merdeka.

(a) **Apakah maksud merdeka?** [2 markah]

Maksud merdeka ialah bebas dari penjajahan asing dan bebas memerintah sendiri serta berhak tentukan hala tuju negara. Selain itu, jadi negara berdaulat yang mempunyai kuasa tertinggi serta bebas daripada kurungan dan naungan

(b) **Jelaskan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Sambutan bagi menyambut kemerdekaan negara.** [4 markah]

Peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Sambutan bagi menyambut kemerdekaan negara ialah membina Stadium Merdeka dan membina Istana Negara. Selain itu, mencipta lagu kebangsaan iaitu lagu Negaraku serta mencipta bendera Persekutuan dan Jata Negara. Seterusnya menganjurkan kursus protokol dan memasang bendera dan lampu sekitar bandar.

(c) **Teliti maklumat berikut.**

Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 telah meninggalkan kesan yang besar dalam aspek politik, ekonomi dan sosial seterusnya mewujudkan sebuah negara Persekutuan Tanah Melayu yang berdaulat.

Beri penjelasan anda. [4 markah]

Kemerdekaan amat penting kepada negara kita kerana kita bebas daripada penjajahan asing dan kita berhak mentadbir sendiri. Selain itu, kemerdekaan ini menjadi asas kepada negara Malaysia yang berdaulat dimana kita mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diketuai Yang di-Pertuan Agong.

3. Rajah berikut berkaitan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

Ciri Tradisional

- Pemerintahan beraja
- Kedudukan Istimewa orang Melayu
- Agama Islam
- X

Ciri Moden

- Kerajaan Persekutuan
- Sistem Demokrasi Berparlimen
- Y

(a) Nyatakan ciri bertanda berikut:

[2 markah]

X : Bahasa Melayu ✓

Y : Kewarganegaraan ✓

(b) Jelaskan ciri yang terdapat dalam ciri tradisional dan moden

[4 markah]

Ciri tradisional Perlembagaan negara kita ialah mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan yang diketuai Yang di-Pertuan Agong dan bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan. Manakala ciri moden ialah adanya pilihan raya bagi memilih pemimpin yang diuruskan SPR.

(c) Gabungan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan mewujudkan asas pentadbiran yang unik dan unggul di negara kita. Beri ulasan anda.

[4 markah]

Ulasan saya ialah gabungan ini membentuk kestabilan pentadbiran kerana adanya unsur semak dan imbang. Contohnya pemerintahan beraja mampu meredakan perbalahan politik dalam sistem demokrasi. Kesannya, wujudlah kesejahteraan dalam negara.

T5 BAB 2 : 2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Nyatakan **ciri moden** dalam Perlembagaan Persekutuan T5B2 ms 28-29



i. KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Perlembagaan beri kuasa tertentu kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- Sarawak dan Sabah diberi kuasa autonomi selepas pembentukan Malaysia

ii. DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Rakyat pilih pemimpin mewakili pilihan raya
- Pilihan raya diuruskan SPR untuk membentuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

iii. KEWARGANEGARAAN

- Mula diperkenalkan melalui PTM 1948
- Terdapat rakyat raja dan rakyat British
- Selepas merdeka dan Malaysia baru wujud kewarganegaraan yang sama



T5 BAB 2 : 2.3

CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



Nyatakan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan **T5B2 ms 28-29**

i. PEMERINTAHAN BERAJA

Sblm - Sultan pemerintah tertinggi / berkuasa penuh

Slps - Amalkan Raja Berperlembagaan diketuai YDPA

ii. AGAMA ISLAM

Sblm - Raja tidak terima nasihat British soal agama

Slps - Agama Islam dibawah kuasa raja di negeri

iii. BAHASA MELAYU

Sblm - Jadi lingua franca (perhubungan) & bahasa ilmu

Slps - Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi

iv. KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA

- Sebelum merdeka dibawah kuasa raja dan selepas merdeka dibawah tanggungjawab YDPA**



3. Majlis Raja-Raja merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan. Majlis ini mempunyai kedudukan dan fungsi dalam pemerintahan di negara kita.

- (a) Nyatakan kedudukan majlis tersebut semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948. [2 markah]
- Majlis Raja-Raja diuruskan sepenuhnya Raja-raja Melayu
 - Pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja dipilih daripada sembilan Raja Melayu
- (b) Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. [4 markah]
- Fungsi Majlis Raja-Raja ialah memilih Yang di-Pertuan Agong dan memperkenalkan pindaan perlembagaan serta pindaan sempadan negeri. Selain itu, majlis ini memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan tertentu dan menjadi Lembaga Pengampunan.
- (c) Baca petikan berikut.

STIMULUS

Institusi Raja berperanan sebagai penyamak dan pengimbang dalam sistem pemerintahan demokrasi bagi memastikan kemakmuran dan kestabilan

Ulasakan pernyataan tersebut.

[4 markah]

Ulasan saya ialah institusi ini dapat mewujudkan proses semak dan imbang kerana raja berkecuali dalam politik serta meredakan krisis politik. Ini terbukti dengan kuasa budi bicara raja dalam perkara tertentu. Hal ini akan mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi negara akan terus terjamin.

6. Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.



Bahagian IV : Bab 1-Ketua Utama Negara
Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya
(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(a) Jelaskan kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan tersebut. [4 markah]

Kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan ialah sebagai ketua utama negara serta diberikan keutamaan daripada semua orang dalam persekutuan. Selain itu, institusi Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dikenakan prosiding di mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas serta memegang jawatan selama 5 tahun.

YDPA & RAJA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Jelaskan bidang kuasa YDPA mengikut perlembagaan Malaysia. T5B3 ms 48-49

- i. Lantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri**
- ii. Lantik Ketua Hakim Negara**
- iii. Lantik Duta @ diplomat**
- iv. Ketua Utama Negara**
- v. Ketua Agama Islam**
- vi. Ketua Angkatan Tentera Malaysia**
- vii. Panggil dan bubarkan Parlimen**
- viii. Perkenankan rang undang-undang**
- ix. Jaga kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah**
- x. Isytiharkan darurat**
- xi. Ampun, tangguh dan ringankan hukuman**



**HURAIKAN KUASA
DAN PERANAN
YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Sambungan...

6. Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam sistem pemerintahan di negara kita meliputi kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman.

Terangkan.

[8 markah]

EXTRA
BONUS

Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa eksekutif dimana perlu bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri dan berkuasa melantik Perdana Menteri, Jemaah Menteri serta melantik Peguam Negara. YDPA juga merupakan pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia dan berkuasa melantik diplomat Malaysia.

Selain itu, kuasa perundangan YDPA ialah memperkenan Rang Undang-Undang serta memanggil Parlimen bersidang atau membubar Parlimen dan menjadi ketua agama Islam. Seterusnya YDPA juga berkuasa melindungi kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera dan kepentingan sah kaum lain serta membuat pengisytiharan darurat.

Akhir sekali, dalam bidang kuasa kehakiman pula, YDPA berkuasa melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri serta mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

7. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting demi kesejahteraan rakyat.

(a) Jelaskan peranan dan kerjasama berikut:

(i) Pembangunan sosioekonomi

[3 markah]

Kerjasama berlaku melalui pembangunan tanah dengan buka tanah baru melalui FELDA manakala FELCRA pula pulih tanah negeri yang terbiar. Selain itu, kerjasama pembangunan wilayah seperti KEDA, KETENGAH serta pembangunan koridor wilayah seperti NCER.

(ii) Pemuliharaan khazanah negara

[3 markah]

Kerjasama berlaku melalui pengurusan Taman Negara seperti Royal Belum dan Taman Laut seperti Pulau Redang. Selain itu, kerjasama melindungi hidupan liar melalui Jabatan Perhilitan dan pelihara hidupan marin melalui pengurusan oleh Jabatan Taman Laut.

(iii) Penyediaan perumahan rakyat

[3 markah]

Kerjasama berlaku dengan Kerajaan Negeri sediakan tanah dan Kerajaan Persekutuan membina rumah mampu milik seperti PPR dan PRIMA. Hal ini membolehkan rakyat memiliki rumah dan mengatasi atasi kemiskinan.

(iv) Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara

[3 markah]

Kerjasama berlaku melalui RASCOM untuk atasi komunis di Sarawak dan ESSCOM bagi mengatasi ancaman penganas Sulu melalui kerjasama PDRM, ATM dan APMM.

Sambungan...

6. Petikan berikut berkaitan institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.


(c) Institusi diraja menerusi YDPA dan Majlis Raja-Raja telah menjadi **tunjang utama politik Malaysia** yang berasaskan Raja Berperlembagaan menerusi amalan **demokrasi berparlimen**. Kedua-dua institusi memainkan peranan yang sangat penting dalam **mencorakkan politik Malaysia** sebagai sebuah negara bangsa yang **merdeka dan berdaulat**. Sumber : Sinar Harian 10 Januari 2019

EXTRA
BONUS

Berdasarkan pernyataan berkenaan, jelaskan sebab sistem pemerintahan beraja perlu dipertahankan di negara kita. [8 markah]

Sistem pemerintahan beraja perlu dipertahankan di negara kita kerana **tonggak utama pemerintahan Malaysia**. **Hal ini penting bagi menjamin kestabilan politik serta mewujudkan proses semak dan imbang dalam pentadbiran dan dapat memastikan kedaulatan negara Malaysia terjamin. Kesannya, keamanan negara dan amalan demokrasi di negara Malaysia akan terpelihara.**

Selain itu, sistem pemerintahan beraja perlu dipertahankan di negara kita kerana merupakan **simbol keagungan kerajaan**. **Ini kerana sistem ialah warisan negara bangsa sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sistem ini juga menjadi lambang perpaduan rakyat dan kemuliaan negara kita. Contohnya, YDPA menjadi simbol taat setia rakyat. Kesimpulannya, pemerintahan beraja merupakan penaung rakyat melangkaui semua agama, bangsa, budaya dan fahaman politik.**

7. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting demi kesejahteraan rakyat. 

(b) Petikan berkaitan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada negeri dan rakyat.

“ Prinsip kuasa eksekutif yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah pada setiap masa bagi menjaga hak semua Kerajaan Negeri dan kebajikan rakyat negeri dengan adil ”

Sejauh manakah tanggungjawab tersebut ditunaikan?

[8 markah]

Tanggungjawab tersebut ditunaikan dengan kerajaan menyediakan prasarana untuk semua.
Contohnya, sistem pengangkutan dan perhubungan seperti jalan raya, kereta api dan udara.
Selain itu, adanya kemudahan pendidikan seperti pembinaan sekolah dan institusi pengajian tinggi.
Selanjutnya ialah perkhidmatan kesihatan tersedia di semua negeri misalnya hospital, klinik dan pemberian vaksin.
Seterusnya, tanggungjawab tersebut ditunaikan melalui perumahan rakyat seperti menyediakan PPR, PRIMA dan Rumah Selangorku.
Akhir sekali ialah tanggungjawab keselamatan dan kawalan sempadan melalui kerjasama askar, polis dan APMM.
Rumusannya, Kerajaan Persekutuan berusaha memastikan kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi setiap negeri serta menjamin pembangunan dan kemajuan secara adil.

8. Pembentukan Malaysia telah melahirkan konsep negara Asia Tenggara yang lebih besar merangkumi PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura.



(a) **Jelaskan rasional pembentukan Malaysia.**

[4 markah]

Rasional pembentukan Malaysia ialah atas faktor keselamatan bagi menghalang ancaman komunis di Singapura dan ancaman CCO di Sarawak. Selain itu, rasionalnya ialah bagi mewujudkan keseimbangan penduduk dan mempercepat kemerdekaan Sarawak dan Sabah. Akhir sekali ialah bagi mempercepat pembangunan dan meningkatkan taraf hidup.

(b) **Huraikan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.**

[8 markah]

Langkah pembentukan Malaysia ialah Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah untuk menerangkan rancangan pembentukan Malaysia dan tubuhkan JSKM untuk meyakinkan rakyat Sarawak dan Sabah yang diketuai Donald Stephen. Selain itu, adakan pungutan suara di Singapura dan keputusannya rakyat Singapura setuju bergabung. Seterusnya ialah tubuhkan Suruhanjaya Cobbold untuk meninjau reaksi Sarawak dan Sabah dan keputusannya 2/3 rakyat menyokong. Akhir sekali, tubuhkan JAK untuk merangka perlembagaan dan jaga kepentingan Sarawak dan Sabah yang diketuai Lord Lansdowne



T5 B4 :4.3- KERJASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN & KERAJAAN

1 PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

Pembangunan tanah/tubuhkan FELDA/FELCRA

Pembangunan wilayah/PERDA/KEDA/DARA

Pembangunan koridor wilayah/NCER/ECER

Pembangunan seimbang negeri dan wilayah

2 PELIHARA KHAZANAH NEGARA

Pengurusan Taman Negara seperti Royal Belum / Taman Laut seperti Pulau Redang

Perlindungan hidupan liar - Jabatan Perhilitan / hidupan marin - Jabatan Taman Laut

3 PERUMAHAN RAKYAT/rumah mampu milik/PPR PRIMA/ rakyat ada rumah / atasi kemiskinan

4 PERTAHANAN/keselamatan/RASCOM atasi komunis / ESSCOM atasi penganas Sulu

8. Pembentukan Malaysia telah melahirkan konsep negara Asia Tenggara yang lebih besar merangkumi PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura.

(c) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [8 markah]

Mesej yang terkandung dalam poster tersebut ialah rakyat Malaysia terdiri pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Kadazan dan sebagainya serta mempunyai kebudayaan tersendiri seperti tarian zapin, tarian naga dan bhangra. Keunikan ini diraikan setiap rakyat dan mampu hidup bersatu padu walaupun berbeza latar belakang. Selain itu, semangat Keluarga Malaysia ditampil sehingga semua rakyat bersatu tenaga meningkatkan ekonomi negara dengan adanya menara KLCC dan pusat pentadbiran negara seperti Putrajaya.

T5B5: 5.3 ms 94-97 : **Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia**



PTM



+

SARAWAK



+

SABAH



+

BRUNEI



+

SINGAPURA MALAYSIA



=



- ✓ - Disambut baik
- Tapi berbeza pendapat
- TAR disokong UMNO

- ✓ - BARJASA
- ✓ - PANAS
- ✗ - SUPP
- ✗ - SNAP
- ✗ - SNAP

- ✓ - UNKO, USNO
- ✓ - Sabah Alliance
- Curiga & bimbang
- ✗ - Anggap TM terasing
- ✗ - Jarak jauh
- ✗ - Mahu merdeka berasingan

- ✓ - Sultan Brunei
- ✓ - Ingin merdeka
- A.M Azahari
- ✗ - Takut hilang kekayaan
- ✗ - Tuduh British mahu kekalkan pengaruh

- ✓ - PAP / Lee Kuan Yew
- ✓ - Peluang pasaran
- ✗ - Barisan Sosialis
- ✗ - Anggap neokolonialisme

REAKSI TEMPATAN



REAKSI NEGARA JIRAN

THAILAND



- ✓ - Jamin keamanan

INDONESIA



- ✓ - Peringkat awal
- Neokolonialisme
- ✗ - Lancar Konfrantasi
- ✗ - Ganyang Malaysia
- ✗ - Serangan gerila di SS

FILIPINA



- ✗ - Presiden Filipina (Macapagal)
- ✗ - Menuntut Sabah



5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia



RASIONAL IDEA PEMBENTUKAN MALAYSIA [ms 93]

a) Nyatakan faktor-faktor pembentukan Malaysia

1. **Keselamatan**

2. **Halang ancaman komunis**

3. **Halang ancaman CCO di Sarawak**

4. **Keseimbangan penduduk**

5. **Cepatkan kemerdekaan Sarawak dan Sabah**

6. **Cepatkan pembangunan wilayah**

7. **Tingkatkan taraf hidup peribumi**





T5 B5: 5.5- INTIPATI PERJANJIAN MALAYSIA 1963

Malaysia dibentuk pada 31 Ogos 1963

Ahlinya disertai PTM, Sarawak, Sabah & Singapura

Layakkan Sarawak, Sabah tubuh kabinet negeri

Agama Islam agama persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah

Yang kecualikan Sarawak dan Sabah guna bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan

Sarawak dan Sabah diiktiraf kedaulatannya / sistem pendidikan Sarawak dan Sabah dikawal Kerajaan Negeri

Iktiraf hak bumiputera Sarawak dan Sabah / migresen dikawal sendiri Sarawak dan Sabah

Agihan kerusi parlimen Sarawak 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi

7. Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1963 dan mendapat reaksi daripada pemimpin dan penduduk wilayah terlibat.

(a) **Jelaskan reaksi bagi wilayah berikut.**

i. **Tanah Melayu**

[4 markah]

Penduduk Tanah Melayu menyokong **dan** disambut baik **tetapi** berbeza pendapat **dimana** Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan UMNO

ii. **Sarawak**

[4 markah]

Penduduk Sarawak menyokong **seperti** BARJASA serta PANAS. **Selain itu ada yang** menentang **seperti** SUPP dan SNAP, **namun** SNAP akhirnya menyokong pembentukan.

iii. **Sabah**

[4 markah]

Rakyat Sabah menyokong **seperti** UNKO, USNO dan Sabah Alliance. **Selain itu ada yang** menentang **kerana** rasa bimbang dan curiga **dan** jarak jauh **serta** anggap Tanah Melayu terasing **lalu** mahu merdeka terlebih dahulu.

T5B5 : 5.6 : ms 106-107

Konfrontasi dan usaha menanganinya

Indonesia membantu
Brunei dalam
pemberontakan
Brunei



**TUNKU
ABDUL RAHMAN**

- Malaysia ancam kedudukan Indonesia
- Anggap Malaysia sebagai neokolonialisme



**PRESIDEN INDONESIA
- SOEKARNO**

KONFRONTASI

1. Lancarkan Ganyang Malaysia
2. Buat serangan gerila di Sarawak, Sabah dan Johor
3. Berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia
4. Burukkan nama baik Malaysia
5. Serang kapal nelayan
6. Ceroboh ruang udara



7. Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961 dan mendapat reaksi daripada pemimpin dan penduduk wilayah terlibat.

(b) Teliti petikan berikut.

↑
KBAT

→
STIMULUS

Semangat setia kawan dan muhibah antara negeri-negeri di Malaysia terzahir dalam pembentukan Malaysia. Moga Malaysia sejahtera, perpaduan dan integrasi yang tidak berbelah bahagi untuk menjadikan negara ini lebih maju serta menyumbang kepada keamanan sejagat,"

Sumber : www.bharian.com.my

Berikan komen anda terhadap maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

Komen saya ialah semangat setia kawan terbentuk dengan pembentukan Malaysia **serta** mewujudkan semangat muhibah. **Ini kerana** rakyat Malaysia berbilang kaum dan etnik **seperti** Melayu, Cina, India, Bidayuh, Kadazan dan sebagainya. **Hal ini** mewujudkan perpaduan dan integrasi antara negeri. **Kesannya** wujudlah negara Malaysia yang sejahtera.

Selain itu, pembentukan Malaysia juga menjadikan Malaysia lebih maju. **Ini terbukti** dengan hasil ekonomi negara dikongsi bersama **dan** menyumbang kepada keamanan **seperti** berjaya membanteras ancaman komunis di Sarawak **dan** pencerobohan Sabah oleh penganas Sulu.

7.(c) Teliti maklumat berikut.

KBAT

STIMULUS

Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah mencatat satu titik hitam di negara kita. Pertumpahan darah dan kacau bilau yang dahsyat yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu hampir menghancurkan negara. Peristiwa ini seharusnya dijadikan tauladan kepada kita agar tidak berulang lagi. Ia boleh diumpamakan 'kalah jadi abu, menang jadi arang' kerana konflik ini merugikan semua kaum dan menjejaskan imej negara di persada antarabangsa.

Sumber : www.rmp.gov.my

Huraikan pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia dan cadangkan langkah bagi mengelakkan peristiwa tersebut daripada berulang. [8 markah]

Pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia ialah kita perlu mengelakkan konflik kaum kerana ianya hanya akan merugikan semua pihak. Hal ini akan menjejaskan imej negara kita serta mampu menghancurkan negara kita. Pengajarannya, rusuhan kaum hanya akan mencetuskan kacau bilau dan pertumpahan darah yang dahsyat.

Langkah bagi mengelakkan peristiwa tersebut daripada berulang ialah mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bangkitkan sentimen perkauman. Selain itu kita perlu mengamalkan prinsip Rukun Negara serta saling tolong ansur antara satu sama lain. Hal ini kerana perpaduan amat penting dalam membina negara dalam masyarakat berbilang kaum.

7. Pelbagai cabaran dihadapi oleh negara kita selepas pembentukan Malaysia.

- (a) **Jelaskan cabaran ancaman keselamatan selepas pembentukan Malaysia dan langkah kerajaan untuk mengatasi cabaran tersebut.** [6 markah]

Ancaman keselamatan berlaku selepas pembentukan Malaysia kerana komunis ingin membentuk republik komunis di Sarawak dan melancarkan penentangan bersenjata. Selain itu, PKM mengancam keselamatan dan menembak mati Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Perak serta mengebom Tugu Negara. Langkah bagi mengatasi cabaran tersebut ialah dengan melaksanakan strategi COIN dan Perang Saraf bagi memenangi hati dan fikiran rakyat. Selain itu, beri tawaran pengampunan dan melancarkan operasi ketenteraan seperti Operasi Hammer.

- (b) **Mengapakah Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970) diperkenalkan dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara kita.** [6 markah]

Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970) diperkenalkan dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara kerana ingin meningkatkan taraf hidup rakyat dan tingkatkan kemudahan pengangkutan serta perhubungan. Selain itu bagi mengatasi kejuatan harga bahan mentah dan tidak ketinggalan dalam teknologi pertanian. Seterusnya usaha tersebut juga diperkenalkan bagi mengatasi taraf hidup berbeza serta peluang pekerjaan terhad dan kadar pengangguran tinggi. Selanjutnya bagi mengatasi masalah kesihatan dan sediakan kemudahan ibu mengandung.

8. Teliti petikan berikut.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mencatat satu titik hitam di negara kita. Pertumpahan darah dan kacau bilau yang dahsyat yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu hampir menghancurkan negara. Peristiwa ini seharusnya dijadikan tauladan kepada kita agar tidak berulang lagi. Ia boleh diumpamakan 'kalah jadi abu, menang jadi arang' kerana konflik ini merugikan semua kaum dan menjejaskan imej negara. Sumber : www.rmp.gov

- (a) **Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya peristiwa tersebut?** [6 markah]
Faktor peristiwa 13 Mei 1969 ialah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum **dan** keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga. **Selain itu**, kempen pilihan raya menggunakan isu kaum dan agama **serta** komunis menghasut rakyat supaya bermusuh. Akhir sekali kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal **serta** perbuatan provokasi yang melampau.
- (b) **Terangkan langkah yang diambil untuk menghentikan rusuhan 13 Mei 1969 daripada merebak ke seluruh negara?** [6 markah]
Langkah menghentikan peristiwa 13 Mei 1969 ialah isytiharkan darurat **serta** Parlimen ditangguhkan **dan** perlembagaan digantung. **Selain itu**, menjadikan Stadium Merdeka sebagai tempat perlindungan kepada mangsa **serta** laksanakan perintah berkurung **dan** pagari Kg Baru dengan kawat berduri. **Akhirnya**, menapis berita dan tubuhkan MAGERAN.
- (c) **Huraikan iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia dan cadangkan**

8. Teliti petikan berikut.

KBAT

STIMULUS

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mencatat satu titik hitam di negara kita. Pertumpahan darah dan kacau bilau yang dahsyat yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu hampir menghancurkan negara. Peristiwa ini seharusnya dijadikan tauladan kepada kita agar tidak berulang lagi. Ia boleh diumpamakan 'kalah jadi abu, menang jadi arang' kerana konflik ini merugikan semua kaum dan menjejaskan imej negara. Sumber : www.rmp.gov

- (c) Huraikan iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia dan cadangkan langkah bagi mengelakkan peristiwa tersebut daripada berulang. [8 markah]
- Iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969 ialah rusuhan kaum boleh menghancurkan negara. Selain itu, kita jangan menimbulkan isu sensitif seperti agama dan kaum. Ini kerana perkara ini boleh menyebabkan pertumpahan darah dan menjejaskan imej negara serta merugikan semua kaum.
- Langkah mengelakkan peristiwa 13 Mei 1969 daripada berulang ialah kukuhkan perpaduan rakyat dan semangat cintakan negara serta mengamalkan semangat Keluarga Malaysia. Selain itu, rakyat Malaysia perlu mengamalkan prinsip Rukun Negara dan mengambil tindakan tegas kepada pihak yang menimbulkan isu sensitif.



T5 BAB 6: 6.5-TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA 
ms 129 -131

Ketidakseimbangan ekonomi

Keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969

Kempen pilihan raya

Kaum dan agama dijadikan isu

Komunis (PKM) hasut rakyat supaya bermusuh

Kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal dan provokasi

T5 B6 : LANGKAH MENGATASI MASALAH 13 MEI 1969

**Rusuhan kaum, tiada yang untung,
Darurat dilaksanakan,
sebelum berpanjangan,
Parlimen ditangguh,
perlembagaan digantung,
Stadium Merdeka, pusat perlindungan
Perintah berkurung, duduk di rumah,
Pagar berduri, di Kampung Baru,
Bekalan makanan, dihantar ke rumah,
Berita semasa, ditapis dahulu**



T5 BAB 6 : 6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM

LANGKAH MENGATASI MASALAH 13 MEI 1969

**PERLEMBAGAAN
DIGANTUNG**

1



**MAKANAN
DIBEKALKAN**

2



**STADIUM MERDEKA
JADI PUSAT
PERLINDUNGAN**

3



DARURAT

**PARLIMEN
DITANGGUH**

6



**BERITA
DITAPIS**



5

**PERINTAH
BERKURUNG**



4





T5 BAB 6: 6.5- LANGKAH MENGATASI MASALAH 13 ME



Perintah Darurat dilaksanakan

Perlembagaan digantung

Parlimen ditangguhkan

Perintah berkurung

Pusat perlindungan di Stadium Merdeka

Pagar Kg Baru dengan kawat berduri

Penubuhan MAGERAN

Penerbitan akhbar digantung/berita ditapis

Penguatkuasaan Akta Hasutan

Peranan raja menasihati rakyat



6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM

Langkah Mengatasi Masalah 13 Mei 1969



**Kembalikan
keamanan &
undang-undang**

Tapis berita palsu



**AKTA
HASUTAN**



**Kuatkuasa
Akta Hasutan**

M A G E R A N

**Gantung
penerbitan
akhbar**



**Kembalikan
keharmonian &
kepercayaan
rakyat**



**Licinkan
pentadbiran**



Sambungan...

4. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pelbagai langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

(c) Beri ulasan anda berdasarkan petikan di bawah.


[4 markah]

↑ KBAT
↑ STIMULUS

“Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbahas lagi soal bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata.”

Berita Harian 7 September 2019

Ulasan saya ialah pemimpin dan rakyat perlu matang dalam penggunaan bahasa Melayu dan berperanan memartabatkan bahasa Melayu serta menggunakan bahasa Melayu dalam segala urusan bukan sekadar bahasa pengantar. Contohnya digunakan dalam semua upacara rasmi dan kenyataan akhbar. Kesannya akan menjadi contoh dan ikutan rakyat serta meningkatkan imej bahasa Melayu.

4. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pelbagai langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. 

(a) Nyatakan dua langkah yang diambil kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [2 markah]

- i. Mahkamah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa rasmi pentadbiran negara
- ii. Menubuhkan UKM dan Sekolah Alam Shah serta Bahasa Melayu wajib lulus SPM

(b) Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. [4 markah]

Peranan DBP ialah menerbitkan buku, majalah dan galakkan aktiviti bahasa serta menganjurkan Minggu dan Bulan Bahasa. Selain itu, mewujudkan slogan Bahasa Jiwa Bangsa serta memupuk perpaduan bangsa melalui bahasa.

(c) Beri ulasan anda berdasarkan petikan di bawah. [4 markah]

“Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbasah lagi soal bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata.”

Berita Harian 7 September 2019

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

M - Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa dilancarkan

M - Mahkamah menggunakan Bahasa Melayu

A - Akta Bahasa Kebangsaan

A - ATMA jadi pusat penyelidikan, rujukan bahasa

S - Slogan Bahasa Jiwa Bangsa

**S - Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri,
Sekolah Sultan Abdul Halim ditubuhkan**

U - UKM ditubuhkan

K - Kempen, bengkel, seminar, penerbitan buku

D - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan

B - Bahasa pengantar di sekolah

B - Bahasa rasmi pentadbiran kerajaan

B - Bahasa Melayu wajib lulus dalam SPM

P - Peperiksaan dalam Bahasa Melayu



7. Maklumat berikut merujuk kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Rukun Negara

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran perlembagaan
- Kedaulatan undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan

(a) Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara.

[6 markah]

Matlamat pembentukan Rukun Negara ialah membentuk masyarakat yang bersatu padu serta membentuk rakyat yang setia kepada negara. Selanjutnya ialah mencipta masyarakat adil dimana semua masyarakat berpeluang menikmati kekayaan negara. Selain itu, memelihara corak hidup demokratik dimana perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi serta membentuk yang bebas mengamalkan agama, adat dan budaya. Akhir sekali ialah membina masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi.

4. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia.

Sumber: www.pmo.gov.my

(a) Nyatakan dua prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

[2 markah]

- i. Islam menjadi unsur penting dan berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- ii. Unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima

(b) Jelaskan usaha bagi menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita.

[4 markah]

Usaha menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita ialah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Istana Budaya. Selain itu, adanya program Citrawarna Malaysia yang memperagakan pakaian, tarian, nyanyian rakyat Malaysia serta libatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya dan adanya tokoh seperti Azah Aziz

(c) Teliti gambar berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut.

[4 markah]

7. Maklumat berikut merujuk kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

(b) Terangkan prinsip Rukun Negara berikut:

i. Kesetiaan kepada raja dan negara

[3 markah]

Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Raja simbol penyatuan rakyat. Selain itu, melahirkan rakyat yang hormati kedaulatan negara dan mempertahankan kedaulatan negara serta mempunyai semangat cintakan negara

ii. Keluhuran perlembagaan

[3 markah]

Keluhuran perlembagaan ialah ketinggian dan keagungan perlembagaan dan perlembagaan memberi perlindungan dan rakyat hendaklah mematuhiinya serta mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

8. Dunia pendidikan kini semakin mencabar bagi melahirkan modal insan cemerlang.

(a) **Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.**

[6 markah]

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah menyatupadukan rakyat **dan** menyediakan tenaga kerja mahir **bagi** memenuhi keperluan pasaran kerja **serta** melahirkan rakyat yang berilmu, seimbang, harmoni dan sejahtera. **Selain itu matlamatnya ialah** mewujudkan perasaan cintakan negara **serta** menggalakkan perkembangan kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik.

(b) **Bagaimanakah Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional?**

[6 markah]

Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional dengan cara penubuhan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum **dan** Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. **Ini membolehkan** murid berkomunikasi dalam satu bahasa yang sama. **Selain itu,** adanya kurikulum yang sama **agar** dapat memupuk semangat setia negara **dengan** penekanan subjek Sejarah. **Contohnya murid** mempelajari kebudayaan kaum lain dalam matapelajaran ini. **Akhirnya, adanya** kegiatan kokurikulum yang disertai pelbagai kaum.

7. Maklumat berikut merujuk kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Rukun Negara

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran perlembagaan
- Kedaulatan undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan

(c) Program Eksplorasi Rukun Negara dilancarkan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara pada 13 Ogos 2023.

Mengapakah Rukun Negara perlu dihayati oleh rakyat Malaysia?

[8 markah]

Rukun Negara perlu dihayati kerana rakyat yang mempunyai pegangan agama mudah diurus dan akan menjadi warganegara yang baik lalu bertanggungjawab terhadap negara serta saling menghormati antara satu sama lain. Selain itu, rakyat akan menghormati institusi beraja dan cintakan negara serta mematuhi undang-undang negara. Seterusnya, nilai kesopanan dan kesusilaan dapat diterapkan dalam masyarakat yang melambangkan keperibadian seseorang individu. Kesannya, wujudlah negara Malaysia yang sejahtera.

8. Dunia pendidikan kini semakin mencabar bagi melahirkan modal insan cemerlang.

(c) Maklumat berikut berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

[8 markah]

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Bagaimanakah falsafah tersebut berjaya melahirkan modal insan yang cemerlang?

Falsafah tersebut berjaya melahirkan modal insan yang cemerlang dengan melahirkan insan yang seimbang intelek, rohani, emosi dan jasmani. Selain itu, falsafah ini juga melahirkan modal insan yang patuh kepada Tuhan seperti amanah dalam pekerjaan lalu dapat mampu melawan unsur jahat contohnya amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kesannya lahirlah modal insan yang bertanggungjawab terhadap dirinya bagi membangunkan keluarga, masyarakat dan negara. Tuntasnya, warganegara yang hebat dilahirkan serta menjadi rakyat yang mempunyai jati diri yang tinggi dan dapat menyumbang kepada kemakmuran negara.

8.4 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

i. **PEMBASMIAN KEMISKINAN**



Pemberian subsidi kepada petani nelayan
Pemberian latihan kemahiran di Giat MARA

ii. **PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT**



Pemberian lesen perniagaan dan kontrak
Pendedahan teknologi moden
Penyertaan bumiputera dalam IKS
Pembentukan golongan MPPB

iii. **PENYUSUNAN SEMULA MODAL SAHAM**



Program penswastaaan syarikat MARA/PERNAS
Peningkatan pemilikan saham bumiputera

iv. **PEMBANGUNAN WILAYAH**



Perbaiki ketidakseimbangan wilayah
Pertanian pintar melalui MARDI



8.3 STRATEGI DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

1. Ekonomi

- Penglibatan **aktif swasta** dalam pembangunan **ekonomi** dan **tanaman semula**.
- Penggunaan **sains dan teknologi**
- tingkat milik **saham bumiputera**

2. Sosial

- Memberi **insentif dan kemudahan pendidikan / digital /** untuk masyarakat miskin semua kaum
- Lahikan masy **disiplin & progresif**
- Mewujudkan **masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera [MPPB]**

3. Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar:

- Sedia dan tambah baik **kemudahan asas**
- Pembangunan **maman** tanpa abai **alam sekitar/** guna **teknologi hijau**

A ✓

Aktif, swasta, bangun ekonomi, tanam semula, sains teknologi/ milik saham tingkatkan



S ✓

Sosial, insentif, kemudahan pendidikan /miskin/ digital/ progresif & disiplin / lahirkan MPPB




A


Alam sekitar tidak diabaikan. Pembangunan mampan/ teknologi hijau



S ✓

Sedia tambah baik kemudahan asas



8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.  Sumber: pmo.gov.my

(a) Jelaskan latar belakang DPN.

[4 markah]

Latar belakang DPN ialah dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir dan merupakan kesinambungan DEB untuk tempoh 10 tahun (1991-2000). Matlamat dasar ini ialah mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan dan pembangunan seimbang antara negeri melalui RMK 6 dan RMK 7 untuk mencapai taraf negara maju.

(b) Huraikan usaha kerajaan dalam pelaksanaan DPN.

[8 markah]

Usaha pelaksanaan DPN ialah pertama dengan membasmi kemiskinan dan beri subsidi kepada petani dan nelayan serta latihan kemahiran di Giatmara. Kedua ialah susun semula masyarakat seperti memberi lesen perniagaan dan galakkan guna teknologi moden dalam perniagaan serta penyertaan aktif bumiputera dalam IKS. Ketiga ialah susun semula modal saham melalui program penswastaan syarikat seperti MARA dan PERNAS. Pelaksanaan keempat ialah melalui pembangunan wilayah untuk tingkatkan integrasi ekonomi dengan meningkatkan peranan MARDI serta konsep pertanian pintar seperti menggunakan dron dalam pertanian.

ASPEK SOSIAL

1. Penurunan Kadar Kemiskinan	2. Peningkatan Kualiti Hidup	3. Kemunculan Golongan pertengahan	4. Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
<ul style="list-style-type: none"> • Pengangguran dan kemiskinan turun dari 49.3 ke 17.1% • Pendapatan & • Taraf hidup meningkat 	<p>Pendapatan, tahap kesihatan serta pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat baru professional, pemodal dan teknikal. • Sumbang kemakmuran pendapatan negara 	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk kelas bumiputera komersial • Korporat, perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat dan usahawan muda • Tan Sri Mokhtar al-Bukhari • Tan Sri Azman



shutterstock.com • 1273325781



Teliti petikan berikut.

C1

C2

C3

C5

Banyak negara dunia bergelut dengan cabaran krisis kos sara hidup, ada negara melaksanakan sekatan terhadap perdagangan makanan dan produk pertanian yang boleh meningkatkan kekurangan bekalan dan meningkatkan harga komoditi but di peringkat bal. Keputusan India melarang eksport gandum menyebabkan harga bijirin melambung tinggi. Indonesia pula melarang eksport minyak sawitnya C7

Sumber : Kosmo 22 Mei 2022

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan cabaran yang dihadapi negara dan langkah untuk menangani cabaran tersebut . [8 markah]

Cabaran yang dihadapi negara ialah krisis kos sara hidup. Hal ini menyebabkan terdapat negara yang melaksanakan sekatan perdagangan seperti produk makanan dan hasil pertanian. Situasi ini menyebabkan kekurangan bekalan yang menjadikan harga melambung tinggi dengan tindakan India yang melarang eksport gandum dan Indonesia yang melarang eksport minyak sawit.

Langkah untuk menangani cabaran tersebut ialah dengan meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mengawal kenaikan harga makanan. Contohnya menetapkan harga maksimum produk pertanian dan penternakan. Oleh itu, bekalan makanan dapat memenuhi keperluan negara. Rumusnya kerjasama semua pihak penting bagi mengharungi cabaran ekonomi dunia.

ASPEK SOSIAL



5. Pembangunan Pendidikan

- Tenaga **kerja mahir berpendidikan tinggi**
- Muncul **graduan sains, teknologi dan teknikal**

6. Pengangkutan dan Perhubungan


- Bagi memenuhi keperluan **perindustrian dan perdagangan**
- Jaringan **jalan raya LPT2, udara, kereta api** dan **pelabuhan moden** merancakkan ekonomi

7. Perkembangan Wilayah

- Muncul **bandar baharu** (Bandar Tun Razak) seperti Felda Segitiga Jengka
- **Kemudahan** seperti pusat perniagaan, hospital, bank dan stadium



8. Maklumat berikut berkaitan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilaksanakan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir pada tahun 1990.



- (a) **Jelaskan usaha untuk mencapai strategi tersebut.** [6 markah]

Usaha untuk mencapai strategi tersebut merangkumi bidang ekonomi iaitu menggunakan sains teknologi dan program penanaman semula serta pelibatan pihak swasta dalam pembangunan. Selain itu, bidang sosial pula memberi kemudahan pendidikan kepada semua kaum dan menyediakan kemudahan asas serta pembangunan mapan tanpa abaikan alam sekitar.

- (b) **Pelaksanaan DEB dan DPN telah membawa kemajuan. Buktikan.** [6 markah]

Buktinya ialah turunya kadar kemiskinan dengan membuka peluang pekerjaan dan tingkatkan pendapatan rakyat. Selain itu, berjaya tingkatkan kualiti hidup seperti peningkat pendidikan. Contohnya muncul graduan sains teknologi melalui UITM dan UITM. Seterusnya kemajuan pengangkutan seperti LPT2 dan adanya industri kereta buatan Malaysia seperti PROTON. Akhir sekali muncul bandar Tun Razak yang dilengkapi kemudahan bank, hospital dan stadium.

ASPEK EKONOMI

8. Perindustrian Berteknologi Tinggi	9. Kawasan Perindustrian Baharu	10. Kenderaan Buatan Malaysia
<ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan industri berat • Ciri jentera moden, modal besar dan berkemahiran tinggi. • Dikendali HICOM 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdiri estet perindustrian, perindustrian bebas dan taman teknologi industri. • Rasional dekat sumber bahan mentah, infrastruktur, buruh. 	<ul style="list-style-type: none"> • HICOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia menggalakkan industri kereta dan motosikal. • PROTON, PERODUA dan MODENAS



8 (c) Teliti poster berikut.

EXTRA
BONUS

Ke Arah Mencapai Sasaran

◆ EKONOMI MADANI ◆

7 matlamat utama

YANG INGIN DICAPAI DALAM TEMPOH 10 TAHUN

 Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia	 Tangga ke-12 teratas dunia dalam Daya Saing Global	 Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia	 Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45%
 Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah	 Ke arah kemampuan fiskal, sasaran defisit fiskal 3%, atau lebih baik	 Kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60%	

Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut

[8 markah]

Maklumat yang terkandung dalam poster ialah berkaitan 7 matlamat yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun bagi mencapai ekonomi madani. Pertama ialah kita berhasrat mencapai kedudukan 30 ekonomi terbesar dunia agar menjadi negara yang maju yang berdaya saing. Kedua, kita berhasrat berada pada tangga ke-25 teratas dalam indeks persepsi rasuah supaya penyalahgunaan kuasa dapat dihindarkan serta melicinkan pentadbiran negara. Ketiga ialah kita berhasrat meningkatkan pendapatan pekerja agar dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan mengurangkan kos sara hidup yang tinggi. Akhir sekali ialah kita berhasrat mencapai 60 peratus penyertaan wanita dalam tenaga kerja seperti memegang jawatan penting dalam kerajaan.

9. Malaysia merupakan negara yang proaktif dalam Komanwel.

(a) Apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan tersebut. [6 markah]

Manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan Komanwel ialah telah diberi peluang menganjur **Sukan Komanwel 1998** dan wujudnya kerjasama **pertahanan serta memajukan ekonomi** antara negara anggota **melalui cukai** barangan yang rendah. **Selain itu**, Malaysia telah menjadi tuan rumah Mesyuarat **CHOGM** dan berpeluang memperjuangkan **hak asasi** manusia **seperti dasar apartied sehingga Afrika Selatan** disingkirkan daripada Komanwel.

(b) Tindakan proaktif Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa sering menguji dasar luar Malaysia. Bagaimanakah Malaysia mengatasi cabaran tersebut. [6 markah]



T5 BAB 9: 9.4 - MALAYSIA DALAM KOMANWEL 

Kerjasama pertahanan/perjanjian, komitmen, kemudahan

Organize / tuan rumah Mesyuarat CHOGM


Menganjurkan Sukan Komanwel 1998
mengeratkan hubungan negara anggota

Apartied ditentang kerana salahguna hak
asasi manusia / bezakan warna kulit
frika Selatan tarik diri dari Komanwel

Nilai cukai eksport dikenakan lebih rendah

Wang biasiswa pendidikan melalui Rancangan
Colombo - atasi kemiskinan/ nasihat/bantuan
pertanian, teknikal & kesihatan

Eksport barangan lebih mudah
-Ekonomi / pelaburan/ kemudahan kredit, dana

Latihan kepada kakitangan awam & swasta 

9. Malaysia merupakan negara yang proaktif dalam Komanwel.
- (a) Apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan tersebut. [6 markah]
- (b) Tindakan proaktif Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa sering menguji dasar luar Malaysia. Bagaimanakah Malaysia mengatasi cabaran tersebut. [6 markah]

Malaysia mengatasi cabaran bagi mengukuhkan dasar luarnya dengan cara mengamalkan dasar berkecuali serta menjalin hubungan luar tanpa mengira ideologi contohnya China. Selain itu, Malaysia telah menandatangani perjanjian pertahanan contohnya FPDA dan membuat latihan bersama serta bekerjasama dengan ASEAN memperkuat keselamatan serantau. Seterusnya Malaysia telah menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand 1965 bagi menangani isu keselamatan.

9.6 MALAYSIA DALAM ASEAN



Berdasarkan peta dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang sejarah penubuhan ASEAN. ms 210

- i. **ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967**
- ii. Peringkat awal disertai 5 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand.
- iii. Melibatkan 10 negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand, Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam
- iv. Meningkatkan semangat setia kawan negara negara ASEAN
- v. Wujudkan keamanan negara negara ASEAN
- vi. Kerjasama politik, ekonomi dan sosial

KERJASAMA NEGARA ANGGOTA  tv

ASEAN

B POLITIK
I EKONOMI
D PENDIDIKAN
A SOSIAL BUDAYA
N PERTAHANAN & KEAMANAN



FERTUMBUHAN EKONOMI



9. Malaysia merupakan negara yang proaktif dalam Komanwel.

(c) Teliti petikan berikut.

...dalam menghadapi persekitaran global yang kompleks serta hubungan antarabangsa yang semakin berkembang, pendirian Malaysia akan terus berpandukan prinsip-prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian masalah secara aman, kewujudan bersama secara harmoni dan hubungan yang saling memanfaatkan....

Beri ulasan anda berdasarkan petikan tersebut.

[8 markah]

Ulasan saya ialah semua negara menghadapi **cabaran** hubungan antarabangsa yang semakin mencabar. **Namun** Malaysia akan kekal berpegang kepada prinsip **menghormati** kedaulatan negara lain **serta** tidak **mencampuri urusan** negara lain. **Contohnya** Malaysia **berbaik-baik** dengan semua negara tanpa mengira ideologi **seperti China**. **Seterusnya ialah** segala konflik diselesaikan melalui **rundingan** secara aman **bagi** mengelakkan penggunaan **kekerasan** senjata. **Kesannya** negara kita akan **bebas** daripada campur tangan asing **serta** dapat membina hubungan yang **harmonis** dengan negara lain bagi wujudkan dunia yang **aman**.

9.6 MALAYSIA DALAM ASEAN ms 210-211

MNEMONIK : **ASEAN**

- A** - Aman, Bebas, Berkecuali (ZOPFAN) - jalin hubungan dengan China / ASA ditubuhkan peringkat awal
- S** - semangat setiakawan serantau
Sukan SEA, SEAMEO ditubuhkan
Pusat Serantau Pendidikan (RECSAM)- sains & math
serbuk soda dihasilkan di Thailand
sertai festival kebudayaan/ Tabung Kebudayaan ASEAN
- E** - Ekonomi ASEAN- baja urea/baja fosfat , matawang ASEAN, potongan cukai, pasaran tunggal
- Education (Pendidikan) melalui pertukaran pelajar
- A** - ancaman komunis, pelarian Vietnam diselesaikan tanpa campur tangan kuasa besar. Kampuchea-pilihan raya
- N** - negara anggota Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia, Filipina - Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam



9.7 MALAYSIA DALAM NAM

Jelaskan peranan Malaysia dalam NAM.

ms 212

- B** - Bangkitkan isu Bosnia Herzegovina
- Bukti kemampuan jadi tuan rumah NAM
- E** - Elak negara terjerumus konflik antarabangsa
- R** - Rancang kemajuan & pembangunan negara NAM
- Ke** - Keahlian Yugoslavia digantung
- C** - China, Rusia dan Amerika Syarikat tidak perlu campur tangan urusan negara lain
- U** - Ubah dasar probarat kepada berkecuali
- A** - Abdullah Ahmad Badawi jadi Pengerusi NAM
- Amal prinsip neutral, aman bebas dan berkecuali
- L** - Lantang suarakan hak asasi
- I** - Isu Apartied di perjuangkan
- Isu senjata nuklear melalui Perisytiharan Lusaka
- Isytihar Deklarasi Kuala Lumpur dalam isu Palestin

**JELASKAN
PERANAN MALAYSIA
DALAM NAM**

4. Jadual berikut menunjukkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.

Tahun	Pertubuhan
1961	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)
1963	Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)
1967	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

(a) Namakan dua negara anggota ASEAN.

i. Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura, Filipina

ii. Laos, Kemboja, Vietnam, Brunei, Myanmar

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia berperanan menyelesaikan konflik serantau?

[4 markah]

Malaysia berperanan menyelesaikan konflik serantau seperti konflik politik di Vietnam dan Kemboja yang berkaitan ancaman komunis dan pelarian. Selain itu, Malaysia menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu Vietnam. Seterusnya, isu Kemboja diselesaikan melalui pelaksanaan pilihan raya dan isytiharkan ZOPFAN.

(c) Deklarasi Zon Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diumumkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Pada pendapat anda, mengapakah ZOPFAN penting kepada ASEAN?

[4 markah]

ZOPFAN penting kepada ASEAN kerana menjadikan ASEAN negara bebas dan berkecuali dan tidak memihak kepada mana kuasa besar dunia serta menjalin hubungan dengan semua negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, China. Kesannya rantau ASEAN selamat daripada persaingan kuasa besar. Hal ini menjamin kestabilan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara.

9. Jadual berkaitan pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia setelah mencapai kemerdekaan.

Pertubuhan	Tahun keanggotaan
Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)	1969
Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)	1970

(a) Apakah kesan keanggotaan Malaysia dalam NAM? [6 markah]

Kesan keanggotaan Malaysia dalam NAM ialah menamatkan dasar pro Barat dan mengubah kepada dasar berkecuali. Hal ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan terbuka dengan pelbagai pihak tanpa mengira ideologi. Ini terbukti apabila Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Selain itu, Malaysia menekankan prinsip neutral, aman, bebas dan berkecuali supaya kuasa besar tidak campur tangan dalam urusan negara lain.

(b) Terangkan pelibatan Malaysia demi keamanan dan kesejahteraan dunia melalui OIC. [6 markah]

9. Jadual berkaitan pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia setelah mencapai kemerdekaan.

Pertubuhan	Tahun keanggotaan
Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)	1969
Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)	1970

- (a) Apakah kesan keanggotaan Malaysia dalam NAM? [6 markah]
- (b) Terangkan pelibatan Malaysia demi keamanan dan kesejahteraan dunia melalui OIC. [6 markah]

Pelibatan Malaysia demi keamanan dan kesejahteraan dunia melalui OIC ialah dengan menjadi peneraju kepada perbankan Islam sehingga tertubuhnya Bank Islam. Selain itu, Malaysia lantang memperjuangkan hak rakyat Palestin dan memperjuangkan kepentingan umat Islam serta memajukan ekonomi negara Islam. Seterusnya sumbangan Malaysia dalam pendidikan melalui penubuhan UIAM dan beri biasiswa kepada pelajar negara OIC. Akhir sekali, menjadi perantara konflik Iran -Iraq serta menentang keganasan dan mementingkan kesederhanaan.

9.8 MALAYSIA DALAM OIC

Jelaskan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ms 214

- I** - Islamic Development Bank / Bank Islam
- S** - Sistem perbankan Islam
 - Setiausaha Agung Pertama-Tunku Abdul Rahman
- L** - Lantang perjuangkan hak rakyat Palestin
- A** - Abdullah Ahmad Badawi Pengerusi OIC
 - Amalkan kesederhanaan dan tolak keganasan
 - Anggotanya 57 buah negara
- M** - Memperjuangkan kepentingan umat Islam
 - Memajukan ekonomi negara Islam
 - Menjadi tuan rumah OIC
 - Memberi biasiswa pendidikan
 - Menubuhkan UIAM
 - Menjadi perantara konflik Iran-Iraq
 - Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan



9. Jadual berkaitan pertubuhan antarabangsa yang disertai Malaysia setelah mencapai kemerdekaan.

(c) Baca maklumat berikut.

↑
KBAT

Jutaan manusia ditindas dengan pelbagai cara seperti wanita dan kanak-kanak dibunuh, tanah dan rumah mereka dirampas, dibakar, dihalau dari kampung halaman, hatta dihalau dari negara asal masing-masing. Kita dapat lihat keadaan ini berlaku di merata dunia seperti kepada etnik Rohingya di Myanmar, penduduk asal Palestin, Ahli Sunnah di Syria, bangsa Ughyur di China dan bangsa Moro di selatan Filipina.

→
STIMULUS

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah yang perlu diambil oleh NAM dan OIC untuk menangani masalah tersebut. [8 markah]

Maklumat yang terkandung dalam petikan ialah ramai manusia ditindas termasuklah wanita dan kanak dibunuh malah ada diusir dan menjadi pelarian. Keadaan ini berlaku kepada etnik Rohingya di Myanmar dan penduduk Palestin. Contohnya kekejaman Zionis Israel kepada penduduk Palestin yang membunuh dan merampas tanah secara haram.

Langkah yang perlu diambil oleh NAM dan OIC untuk menangani masalah tersebut ialah menyuarakan isu di forum antarabangsa melalui PBB. Selain itu, Malaysia dalam OIC memohon sidang tergempar OIC bagi membantah penindasan terhadap Palestin serta tidak jalinkan hubungan dengan Israel. Seterusnya, pertubuhan NAM dan OIC bersatu menolak keganasan terhadap mana-mana negara serta berpegang kepada prinsip keamanan sejagat.

4. Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas dan turut memainkan peranan besar dalam ekonomi antarabangsa.

(a) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut:

(i) Meluaskan pasaran ekonomi

[2 markah]

Terlibat sepenuhnya dalam AFTA dan kerjasama ekonomi serta meningkatkan perdagangan anggota ASEAN melalui pengurangan tarif dan cukai barangan

(ii) Mengantarabangsakan sistem ekonomi Islam

[2 markah]

Membangun sistem kewangan mengikut syariah dan negara utama pelaburan dana Islam serta menyumbang kepada sektor kewangan negara. Kesannya, Malaysia jadi pasaran sukuk terbesar dunia.

(b) Bagaimanakah negara maju mengekalkan dominasi ekonomi?

[2 markah]

Negara maju mengekalkan dominasi ekonomi dengan cara mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam tarif dan cukai. Selain itu, negara maju adakan kempen burukkan produk negara lain. Selain itu mereka membentuk blok ekonomi serta menetapkan harga pasaran terutamanya negara sedang membangun

10.2 PERANAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA



E

1. EKONOMI SEGI TIGA – KERJASAMA PEMBANGUNAN WILAYAH BARU

- ✓ Dimajukan bersama ASEAN, untung bersama, kurangkan monopoli pasaran negara maju, kurangkan pergantungan kewangan a/b melalui Bank ASEAN dan Koperasi ASEAN
- ✓ Contoh IMT- GT (Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle)

K

2. KEMELESETAN EKONOMI DITANGANI

- ✓ Kejatuhan nilai wang/ spekulasi mata wang/ pelabur luar menarik pelaburan (TM)
- ✓ Jejaskan ekonomi/ IMF desak/ enggan/ tambat kadar tukaran RM3.80 bg USD1. Jaya pulih

N

3. NEGARA MAJU DOMINASI EKONOMI

- ✓ Sikap negara maju/ pelbagai sekatan spt cukai & tariff. Jejas Perdagangan

O

- ✓ Organisasi spt PBB & APEC tpt Malaysia suarakan pandangan/ forum

- ✓ Diberi layanan saksama kpd semua negara

M

4. MELUASKAN PASARAN EKONOMI

- ✓ Tingkatkan/ mudahkan pdgg sesama ASEAN/ Laksana AFTA/kerjasama ekonomi
- ✓ Kurangkan tarif & cukai barangan. Ekonomi berkembang

I

5. ISLAM – ASAS SISTEM KEWANGAN ISLAM

- ✓ Di bangunan & di antarabangsakan, syarak
- ✓ Kedudukan utama indeks global/ pasaran sukuk / dana terbesar dunia



4. Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas dan turut memainkan peranan besar dalam ekonomi antarabangsa.

(c) Baca petikan berikut.

[4 markah]

“Saya lebih takut kepada kemungkinan kita akan hilang kawalan ke atas negara kita sendiri seperti kerajaan Indonesia yang hilang kuasa kepada Tabung Kewangan Antarabangsa. Thailand dan Filipina yang turut menyerah kepada Tabung Kewangan Antarabangsa juga menerima nasib serupa. Pada 1 September 1998, Malaysia mengumumkan pelaksanaan dasar kawalan modal dan tambatan mata wang Ringgit, sebagai langkah tersendiri bagi menyelesaikan krisis kewangan dan kelembapan ekonomi daripada berlarutan.

Beri ulasan anda berkaitan langkah negara mengatasi krisis tersebut?

Ulasan saya berkaitan usaha negara kita mengatasi krisis kewangan dengan melaksanakan dasar kawalan modal dan menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) iaitu pada kadar RM 3.80 bagi USD1 bagi mengatasi kelembapan ekonomi berterusan. Negara kita ada cara tersendiri selesai isu kewangan dan menolak kaedah penyelesaian Tabung Kewangan Antarabangsa kerana bimbang akan hilang kawalan ke atas negera sendiri seperti Filipina, Thailand dan Indonesia.



ISU PALESTIN

Kekejaman, pembunuhan rakyat Palestin oleh Zionis Israel



ISU SYRIA

Rakyat sengsara akibat krisis politik yang menyebabkan kekurangan makanan & ubatan



ACEH & SRI LANKA

Bencana tsunami yang perlukan bantuan makanan, ubat & keperluan harian



Ferjuangkan hak & keadilan rakyat Palestin /
Program Freedom Flotilla /Women's Boat to Gaza

AMAN PALESTIN / MAPIM / Muslim Care Malaysia

Intang bersuara menentang kekejaman

Aktif dan sistematik bantu rakyat Palestin

Sumbangan makanan dan perubatan /
solidariti sokong Palestin / sukarelawan

Jabung Palestin

Ibu tunggal, kanak-kanak & warga emas dibantu

Madir al-Nuri pengasas Cinta Gaza Malaysia (CGM)



**BINCANGKAN
PENGLIBATAN
RAKYAT DALAM ISU
KEMANUSIAAN DAN
KEAMANAN PALESTIN**

Bistro



Sumbangan makanan & kewangan /
solidariti sokong Syria / Sekolah KITA /
sukarelawan / Cinta Syria Malaysia
sukarela terima 3000 pelarian

Yang menyokong rakyat Syria

Rakyat Malaysia hantar memorandum bantahan

4 Syria dilancarkan MyCare - beri bantuan
makanan, ubatan dan pendidikan

Aktiviti kemanusiaan melalui
Global Peace Mission (GPM)



9. Maklumat berikut berkaitan isu kemanusiaan dan keamanan yang diberikan oleh rakyat Malaysia kepada negara yang ditimpa musibah.

Palestin

Syria

Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

- (a) **Jelaskan isu berikut:**

i. Isu Palestin

[2 markah]

Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran, merampas tanah dan pembunuhan penduduk Palestin. Selain itu, rakyat Palestin memperjuangkan sebuah negara merdeka Palestin.

ii. Isu Syria

[2 markah]

Berlaku krisis politik dan serta campur tangan Amerika Syarikat dan Rusia. Hal ini menyebabkan kematian dan rakyat jadi Syria jadi pelarian serta kekurangan bekalan makan dan ubatan.

- (b) **Bagaimanakah rakyat Malaysia menyalurkan bantuan dalam menangani isu tersebut [8 markah]**

Rakyat Malaysia menyalurkan bantuan melalui Aman Palestin dengan beri bantuan kebajikan dan sumbangan ramai. Selain itu, MAPIM menjalankan aktiviti kesukarelawanan manakala Muslim Care Malaysia pula buat misi kemanusiaan. Bagi isu di Syria pula MyCare lancarkan Kempen i4Syria untuk salur bantuan pendidikan, kesihatan dan jaga kebajikan pelarian manakala Cinta Syria Malaysia (CSM) telah tubuhkan Sekolah KITA. Akhir sekali Global Peace Mission (GPM) beri bantuan kemanusiaan, makanan, ubat dan peralatan, kesukarelawan.

Tan Sri Dr Jemilah Mahmood
pengasas MERCY Malaysia

Sumbangan makanan dan kewangan /
sukarelawan / sekolah dibina

Ubatan dan pusat kesihatan



NNGO yang membantu seperti Yayasan Restu

AABIM / Aceh dan Sri Lanka dilanda tsunami

MMERCY Malaysia / membina pusat kesihatan

Infrastruktur jambatan dan
rumah anak yatim dibina



9 (c) Teliti petikan berikut.

Semua pihak perlu mengambil iktibar daripada kehancuran Palestin dan Syria apabila tiada rasa hormat menghormati dan mengutamakan kepentingan sendiri selepas terpengaruh dengan fahaman ekstremis agama dan kaum.

Malaysia menghantar bantuan akibat bencana alam tsunami 26 Disember 2004 pada 9.1 skala richter yang berpusat di Aceh, Indonesia tersebut mengakibatkan 230 ribu rakyat terkorban di Aceh dan Sri Lanka. Sejuta rakyat terpaksa berkongsi rumah kerana kemusnahan harta serta kehilangan ahli keluarga.

Apakah iktibar yang dapat diambil daripada isu kemanusiaan dan keamanan tersebut? [8 markah]

Iktibar yang dapat diambil daripada isu kemanusiaan dan keamanan tersebut ialah kita hendaklah menghormati kedaulatan negara lain agar dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Selain itu, kita wajar elakkan perbalahan sesama sendiri bagi mengelakkan huru-hara dan rakyat menjadi pelarian. Seterusnya ialah kita mesti menjaga alam sekitar agar tidak berlaku bencana alam yang membawa kemusnahan. Akhir sekali, kita hendak memiliki nilai kesukarelawan dan kemanusiaan sesama manusia. Contohnya memberi bantuan kewangan, kepakaran tenaga dan kesukarelawanan agar dapat mengurangkan beban mangsa terlibat.

9. Maklumat berikut berkaitan komitmen negara terhadap kelestarian global.

Malaysia mengambil komitmen terhadap pemuliharaan secara serius serta bangga menjadi penandatangan kepada senarai penuh perjanjian kelestarian global mengenai pemuliharaan, hidupan liar, perhutanan dan alam sekitar.

Sumber : Berita Harian 27 September 2019

- (a) **Jelaskan usaha Malaysia untuk mengekalkan kelestarian global. [6 markah]**
- Usaha Malaysia untuk mengekalkan kelestarian global ialah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi dan melancarkan Dasar Teknologi Hijau serta Dasar Alam Sekitar. Selain itu, isytiharkan Langkawi Geopark dan Anugerah Langkawi kepada pihak yang menjaga alam sekitar. Akhir sekali ialah Malaysia menyertai Sidang Kemuncak Bumi dan membangkitkan isu Antartika serta mendesak Antartika dijadikan warisan dunia.

T5 BAB 10 : 10.4 - USAHA MENGEKALKAN KELESTARIAN GLOBAL

L

- LANGKAWI GEOPARK DIISYTIHARKAN
- LANCARKAN DASAR TEKNOLOGI HIJAU
- LANCARKAN DASAR ALAM SEKITAR NEGARA
- LINDUNGI ALAM SEKITAR

E

- ELAK PEMBEBASAN GAS RUMAH HIJAU
- ELAK PENCEMARAN ALAM SEKITAR
- EKSPEDISI PENYELIDIKAN KE ANTARTIKA KAJI PERUBAHAN IKLIM

S

- SERTAI SIDANG KEMUNCAK BUMI
- SULTAN MIZAN RESEARCH FOUNDATION

T

- TEKNOLOGI HIJAU DIGALAKKAN
- TENAGA SOLAR DIGALAKKAN

A

- ANUGERAH LANGKAWI DI WUJUDKAN
- ANTARTIKA DICADANGKAN JADI WARISAN SEJAGAT
- AGENDA 21 ATASI KEMISKINAN, KEBULURAN & EKOSISTEM

R

- RIO DE JANEIRO, BRAZIL TEMPAT PERSIDANGAN BUMI DIADAKAN

I

- ISYHTIHARKAN DEKLARASI LANGKAWI
- ISU PENCEMARAN ALAM, IKLIM, PENIPISAN OZON DAN KESAN RUMAH HIJAU
- ISU PENEROKAAN BENUA AIS YANG TIDAK ADIL DIBANGKITKAN



9. Maklumat berikut berkaitan komitmen negara terhadap kelestarian global.

(b) Maklumat berikut berkaitan isu Antartika.

Adalah diharapkan bahawa pendirian serta cadangan Malaysia untuk membuat Antartika sebagai Warisan Bersama untuk faedah bersama seluruh benua.

Sumber : <https://www.pmo.gov.my/>

Mengapakah Malaysia kemukakan cadangan tersebut?

[6 markah]

Malaysia kemukakan cadangan tersebut kerana penerokaan terhadap Antartika didominasi sebahagian kecil negara yang dianggap tidak adil. Selain itu, kerana kepentingan penyelidikan perubahan iklim serta pemanasan global. Seterusnya, kerana berlakunya penipisan lapisan ozon dan kejadian bencana alam yang menyebabkan pencairan ais serta peningkatan air laut. Selanjutnya untuk kajian gas rumah hijau perlu dijalankan serta menyuarakan pendapat agar Antartika tidak disalah guna pihak berkepentingan serta menjadikan Antartika milik masyarakat dunia.

9. Maklumat berikut berkaitan komitmen negara terhadap kelestarian global.
- (c) **Jelaskan peranan rakyat Malaysia bagi memelihara kelestarian alam sekitar?**
[8 markah]

Peranan rakyat Malaysia bagi memelihara kelestarian alam sekitar ialah tingkatkan kesedaran alam sekitar. **Contohnya**, Hari Alam Sekitar dalam usaha memelihara alam sekitar seperti menanam pokok dan larian alam sekitar. **Selain itu**, menggiatkan program kitar semula dan amalkan gaya hidup mesra alam seperti Hari Tanpa Beg Plastik.

Seterusnya kerajaan Malaysia boleh menguatkuasakan undang-undang tentang alam sekitar serta larangan meneroka dan mencemarkan sumber air, udara dan bunyi. **Ini dapat** mengelakkan keracunan, pencemaran serta gangguan bekalan. **Kesannya** kesihatan rakyat akan terjamin dan bencana alam dapat dielakkan.

TINGKATAN 4

- BAB 1** • Sistem perundangan di Melaka -HKM & UULM
• Peranan pemerintah dan rakyat / Waadat
- BAB 2** • Revolusi Keagungan / Amerika / Perancis
• Nasionalisme di Asia & Asia Tenggara
• Perjuangan intelektual, persatuan, goLagama
• Kesan nasionalisme dari aspek PES
- BAB 3** • Faktor / peristiwa / kesan PD2 / PD2 di Asia Pasifik
• Penentangan terhadap Jepun - berpasukan & individu
- BAB 4** • BMA/MU / penyerahan Sabah /sebab menentang/ reaksi
- BAB 5** • JK Kerja / Faktor PTM 1948 / ciri2/ kesan penubuhan
- BAB 6** • Ancaman komunis / Penguatkuasaan Undang2 Darurat
• Kesan Zaman Darurat
- BAB 7** • JHAK (CLC) - objektif / isu / kejayaan
• Sistem Ahli - Latar belakang / ciri-ciri / kepentingan
- BAB 8** • Syarat / proses pilihan raya / Kabinet Pertama
- BAB 9** • Suruhanjaya Perlembagaan - Ahli / peranan / terma rujukan / isi Perjanjian PTM 1957 / kesan
- BAB 10** • Peranan jawatankuasa /kesan PES / prinsip kedaulatan

TINGKATAN 5

- BAB 1** • Kepentingan & langkah pertahankan kedaulatan
- BAB 2** • Perlembagaan Persekutuan -ciri moden dan tradisional
• Pindaan perlembagaan 1963 & 1965
- BAB 3** • Kuasa Yang di-Pertuan Agong/peranan Majlis Raja-Raja
• Amalan demokrasi / pilihan raya / kebebasan asasi
- BAB 4** • Kerjasama Kerajaan Persekutuan & Negeri/bahagi kuasa
- BAB 5** • Idea / langkah / reaksi pembentukan Malaysia
• Perjanjian Malaysia 1963 / Konfrontasi dan langkah atasi
- BAB 6** • Menangani ancaman komunis / isu pembangunan & eko
• Tragedi 13 Mei 1969 / peranan MAGERAN
- BAB 7** • Usaha memperkasakan BM / peranan UKM / DBP
• Dasar Kebudayaan Kebangsaan - 3 prinsip / aktiviti
• Prinsip Rukun Negara - matlamat / kepentingan
- BAB 8** • Dasar Pembangunan Nasional (DPN) -latar belakang / strategi pelaksanaan DPN / pencapaian DEB & DPN
- BAB 9** • Pelibatan & sumbangan dlm Komanwel/ASEAN/NAM/ OIC
- BAB 10** • Pertindihan sempadan /Palestin/Syria/Aceh & Sri Lanka
• Kelestarian global